

# Buletin UniSZA

ISSN 2180-0235 | APRIL 2020 | BIL. 30



Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia  
*dilantik sebagai*  
Profesor Pelawat UniSZA

## PENGURUSAN TERTINGGI

Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan  
Naib Canselor

Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh  
Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)

Prof. Dr. Hafizan Juahir  
Timbalan Naib Canselor  
(Penyelidikan & Inovasi)  
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh  
Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

En. Ismail Musa  
Pendaftar  
(Menjalankan Fungsi)

Pn. Shakimah Endut  
Bendahari

Dr. Mohd Badrol Awang  
Penasihat Undang-undang  
(Menjalankan Fungsi)

Ir. Mohd Yasim A. Ghani  
Pengarah Pusat Pengurusan Harta Benda

Norulhuda Makhtar  
Ketua Pustakawan  
(Menjalankan Fungsi)

Prof. Dr. Mohd Nordin Abdul Rahman  
Pengarah Kampus Besut

## SIDANG EDITOR

Dr. Wan Hishamudin Wan Jusoh  
Penerbit UniSZA

Prof. Madya Dr. Nalini a/p Arumugam  
Fakulti Biosumber dan Industri Makanan

Dr. Mohd Razif Shahril  
Fakulti Sains Kesihatan

En. Cornelius Anuar Abdullah Mc Afee  
Pusat Pengurusan Kecemerlangan  
Akademik dan Pengantarabangsaan

Pn. Roslida Abdul Razak  
Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Cik Nazilah Mohamad  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

En. Mohd Faradi Mohamed Ghazali  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Pn. Zurina Mansor  
Penerbit UniSZA

En. Kaswadi Yusoff  
Pusat Pengurusan Infostruktur dan Rangkaian

En. Wan Mohd Fadzli W. Samsudin  
Penerbit UniSZA

Pn. Norizan Mohammad  
Penerbit UniSZA

## PENYUMBANG BAHAN

1. Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
2. Pejabat Pengarah Kampus Besut
3. Pejabat Pendaftar
4. Pejabat Bendahari
5. Perpustakaan UniSZA
6. Fakulti Reka Bentuk Inovatif  
dan Teknologi
7. Fakulti Biosumber dan Industri  
Makanan
8. Fakulti Bahasa dan Komunikasi
9. Fakulti Pengajian Kontemporari Islam
10. Institut Penyelidikan Alam Sekitar  
Pantai Timur
11. Pusat Islam UniSZA
12. Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan,  
Pelaburan dan Jaringan Industri
13. Pusat Pengurusan Makmal Berpusat
14. Dr. Aznida Hayati Zakaria @  
Mohamad, SpaQM
15. Cik Nazilah Mohamad, FBK

Hak Cipta Terpelihara © 2020. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UniSZA, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

Buletin UniSZA diterbitkan tiga kali setahun, mulai Ogos 2009 sebagai buletin rasmi Universiti Sultan Zainal Abidin.

Hak Cipta © 2020  
Pengarah, Penerbit UniSZA  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Nerus  
Terengganu, MALAYSIA.  
Tel: 09-668 8282, Faks: 09-668 7867  
Laman Web: <http://www.penerbit.unisza.edu.my>



# KANDUNGAN

<b>Utama</b>	<b>4</b>
<b>Malim Sarjana</b>	<b>7</b>
<b>Bengkel/Seminar/Kursus/Mesyuarat</b>	<b>10</b>
<b>Tokoh</b>	<b>18</b>
<b>Rencana</b>	<b>22</b>
<b>Pencapaian</b>	<b>26</b>
<b>UniSZA Bersama Komuniti Setempat</b>	<b>32</b>
<b>UniSZA dan Hubungan Antarabangsa</b>	<b>45</b>
<b>Sukan dan Ko-Kurikulum</b>	<b>48</b>
<b>Terbitan UniSZA</b>	<b>50</b>

# Kunjungan Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia Majlis Idul Ilmi Konvokesyen UniSZA ke-11

Pada 25 Disember 2019 terlakar satu detik penuh bermakna dalam lembaran sejarah UniSZA dengan kunjungan seorang tokoh sarjana Sheikh Profesor Dr. Ahmed Raissouni sebagai Profesor Pelawat Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI). Beliau merupakan Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia yang dilantik pada tahun 2018 menggantikan Sheikh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Pengajian Islam khususnya bidang Usul Fiqh dan Maqasid Syariah serta pernah berkhidmat sebagai Profesor Usul Fiqh dan Maqasid Syariah di Fakulti Sastera dan Sains Kemanusiaan, Universiti Mohammed V dan Pusat Hadis al-Hassaniah di Rabat dari tahun 1986 hingga 2006. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Felo Utama di Akademi Fiqh Islam Antarabangsa di Jeddah sejak tahun 2006 bagi projek Ensiklopedia Zayed (Fiqh Islam dan Usul Fiqh). Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni banyak menghasilkan karya ilmiah sama ada dalam bentuk makalah mahupun buku khususnya dalam bidang Maqasid Syariah. Setakat ini beliau telah menghasilkan lebih daripada 30 buah buku. Sebahagian daripada karya tersebut telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa Asia dan Eropah sehingga ada yang menggelarnya sebagai ‘Bapa Maqasid Syariah’ pada era ini. Banyak buku terbitan beliau telah dijadikan buku teks atau rujukan utama di universiti-universiti di seluruh dunia.



Memandangkan ketokohan beliau dalam kepimpinan dan kesarjanaan, Naib Canselor, Profesor Dato Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan telah secara peribadi mempelawa Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni untuk menjadi Profesor Pelawat FKI yang merupakan fakulti tertua dan terbesar di UniSZA ke arah memperkasa dan mengantara bangsa fakulti. Usaha membawa Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni sering terbantut memandangkan kesibukan beliau dengan tugas sebagai Ketua kesatuan Ulama Sedunia dan profesor di Fakulti Syariah sebuah universiti di Doha, Qatar. Setelah enam bulan, akhirnya usaha membawa beliau ke UniSZA berjaya direalisasikan dengan persetujuan untuk menjayakan aktiviti-aktiviti yang disediakan bermula 25 Disember 2019 - 9 Januari 2020. Hal ini merupakan satu kejayaan yang amat bermakna kepada seluruh warga UniSZA apatah lagi ini merupakan lawatan beliau yang pertama ke Malaysia.

Pelbagai aktiviti telah disusun untuk dimanfaatkan bukan hanya kepada warga UniSZA tetapi termasuk juga kepada masyarakat Malaysia. Syarahan yang disampaikan oleh Sheikh Ahmed al-Raisouni dilengkapi dengan terjemahan yang turut dikongsi melalui media sosial untuk dimanfaatkan oleh masyarakat umum. Selain daripada semakan dan pemantapan kurikulum FKI, Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni turut menjayakan beberapa aktiviti ilmiah di UniSZA seperti kuliah umum, penyampaian khutbah, wacana usul fiqh, program bedah kitab, dan bengkel metodologi bersama para pelajar siswazah. Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni turut membuat kunjungan hormat ke Pejabat Mufti Terengganu iaitu Sahibussamahah Mufti Negeri Terengganu, Dato' Dr. Zulkifly Muda dan para Ahli Jawatankuasa Fatwa Terengganu. Tidak sekadar itu, beliau menjayakan beberapa wacana ilmu di Kuala Lumpur anjuran *The International Institute of Islamic Thought (IIIT)*, Institut Darul Ehsan (IDE) dan Institut Maqasid Malaysia. Beliau sempat beramah mesra dengan kakitangan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan bertemu mata dengan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu YB Dr. Mujahid Yusof Rawa. Beliau juga dijemput hadir ke Program Wawancara Bersama TV al-Hijrah. Dalam kesibukan menjayakan aktiviti ilmiah yang telah disusun, Sheikh Profesor


Dr. Ahmed al-Raissouni berkesempatan untuk mengadakan kunjungan hormat menemui beberapa pemimpin negara, antaranya Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; dan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof Rawa; dan Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Mokhtar. Sudah pasti, kehadiran beliau ini sangat dinantikan oleh para pemimpin untuk meminta nasihat dan panduan yang sangat berharga dalam mengurus tadbir negara.

Pihak penganjur juga tidak ketinggalan memberi ruang kepada beliau untuk menelusuri keindahan negeri Terengganu dengan membawa beliau melawat Tasik Kenyir sambil merakamkan dokumentasi perjalanan dan nasihat beliau sepanjang lawatan tersebut. Lawatan ini diselangi dengan aktiviti menanam pokok dan melawat taman orkid serta menelusuri tasik yang luas dan bersih. Kelihatan beliau teruja dan tertarik dengan keindahan pemandangan sepanjang lawatan tersebut. Hal ini dapat dilihat menerusi kata-kata beliau ketika majlis makan malam bersama ahli jawatankuasa program iaitu beliau menyebut, apabila kembali semula ke Terengganu selepas berada di Kuala Lumpur, beliau merasakan seolah-olah beliau kembali ke kampung halamannya sendiri iaitu Maghribi, ini kerana ketenangan dan keindahan Terengganu seakan ketenangan beliau ketika berada di Maghribi.

Kunjungan Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni telah memberi impak yang besar kepada warga UniSZA khususnya dan masyarakat amnya kerana beliau berjaya mengetengahkan pendekatan maqasid syariah sebagai satu mekanisme praktikal dalam menjamin kelestarian universiti sebagai sebuah pusat pembinaan peradaban insan dan dalam menjamin kesejahteraan hidup bermasyarakat dalam era revolusi industri yang penuh dengan cabaran. Satu pencapaian yang juga membanggakan, apabila Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni menyatakan kekaguman beliau terhadap FKI kerana idea kontemporari atau tajdid adalah sebahagian agenda utama yang selalu beliau ketengahkan untuk manfaat umat seluruhnya. Beliau berjanji akan memberikan sumbangan idea dan membantu untuk FKI bangkit sebagai satu institusi yang berjaya membawa agenda tajdid dalam ilmu-ilmu agama seterusnya menjadi pusat rujukan umat Islam di Malaysia dan di dunia.

Walaupun kunjungan ini dirasakan amat singkat namun terlalu banyak idea dan pandangan beliau yang memberikan impak kepada para pendengar. Setiap perbahasan dan juga lontaran idea yang diketengahkan oleh Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni akan diwacanakan dengan lebih lanjut dan dibukukan bagi melonjakkan pencapaian UniSZA serta menjayakan misi pendidikannya ke arah melahirkan insan holistik dengan nilai-nilai terpuji selaras dengan visi UniSZA iaitu Universiti Islam Integrasi Kontemporari.

Antara mutiara kata yang beliau lantunkan ketika berada di sini, ialah “Aku mengarang buku Maqasid di Maghribi tetapi di Malaysia, kamu telah pun melaksanakannya” pernyataan ini menggambarkan kekaguman beliau terhadap Malaysia dan merasakan bahawa seolah-olah beliau menulis buku untuk dilaksanakan di Malaysia. Demikian juga, beberapa peringatan yang disebut oleh beliau untuk peringatan bersama, “bagaimakah kamu umat Islam mahu bercakap tentang Khalifah Rasyidah dalam keadaan kamu gagal menghormati waktu? Jelas kelihatan sepanjang memenuhi aktiviti-aktiviti di Malaysia, beliau tidak pernah gagal dalam menepati waktu, inilah teladan yang memberi kesan kepada kita semua. Ketika mengulas tentang perpaduan ummah, beliau menyebutkan bahawa antara sebab umat Islam masa kini berpecah adalah kerana mereka tertambah titik dalam membaca ayat (berpegang teguhlah) lalu dibaca (berselisihlah). Pendirian beliau jelas menunjukkan harapan beliau yang menggunakan agar ummah bersatu atas satu kalimah Tauhid dan sering berpesan agar



mengelakkan daripada perselisihan sesama sendiri yang mengundang kelemahan dan kemunduran ummah.

Beliau menyebut ketika majlis perpisahan di UniSZA yang beliau tidak pernah merasa kekurangan sepanjang berada di Malaysia bahkan beliau merasakan layanan yang diperoleh di sini tidak pernah dirasakan di tempat-tempat lain.

Bersama beliau selama dua minggu memang memberikan kesan yang besar sehingga para ahli jawatankuasa sendiri merasa kesedihan apabila mengiringi beliau pulang. Sheikh Profesor Dr. Ahmed al-Raissouni telah pulang ke Maghribi pada 9 Januari 2020 dengan diiringi oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty; Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh; Pendaftar, En. Ismail Ahmad; Mantan Dekan FKI, Prof. Dr. Abdul Hakim Abdullah; Pengarah Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan, En. Ismail Musa; dan Dekan FKI, Prof. Madya Dr. Mohamad Zaidin Mat@Mohamad Dekan serta pegawai pengiring sepanjang lawatan beliau di Malaysia iaitu Prof. Madya Dr. Wan Mohd Yusof Wan Chik.



# UniSZA di Persada 40 Tahun

Aznida Hayati Zakaria @ Mohamad  
aznida@unisza.edu.my

Tanggal 1 Mac 2020, UniSZA telah mengadakan majlis Syarahan Naib Canselor 2020 dan Pelancaran Perlaksanaan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 di Dewan Al-Muktafi Billah Shah. Majlis kali ini lebih bermakna kepada seluruh warga UniSZA kerana genapnya usia 40 tahun kewujudan UniSZA sejak ia ditubuhkan dengan nama Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Justeru menjadi tema ucapan Naib Canselor pada majlis ini iaitu ‘UniSZA di Persada 40 Tahun’. Syarahan Naib Canselor 2020 ini begitu istimewa kerana dihadiri oleh bukan sahaja warga UniSZA bahkan juga insan yang telah sama-sama menabur bakti sebelum ini terhadap kecemerlangan UniSZA iaitu ketiga-tiga mantan Pengurus Lembaga Pengarah Universiti, mantan Naib Canselor UniSZA dan tetamu jemputan dari Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT).

Pada permulaan majlis tersebut, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan telah mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh warga UniSZA atas genap usia UniSZA 40 tahun. Beliau telah mengimbau kembali tarikh 22 Oktober 1980, iaitu ketika Kerajaan Negeri Terengganu meluluskan Enakmen Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin bagi penubuhan sebuah Kolej Universiti. Pada tahun tersebut, kumpulan pertama mahasiswa KUSZA telah memulakan pengajian dan ditempatkan sementara di Sekolah Menengah Agama (Atas) Sultan Zainal Abidin di Batu Buruk, Kuala Terengganu sebelum dipindahkan ke Kampus Gong Badak.

Dalam syarahan ini, Dato' Naib Canselor menyatakan UniSZA sebagai sebuah Dataran Abidin yang berteraskan ilmu, iman, akhlak dan amal, dan terus berkembang menjadi sebuah institusi ilmu. Dataran Abidin diumpamakan sebatang pohon ilmu yang mempunyai akar kuat mencengkam bumi, pucuknya tinggi menjulang langit, dan buahnya segar serta masak ranum untuk dinikmati bersama. Perumpamaan ini amat sesuai dengan gagasan ‘Ilmu Demi Faedah Insan’ yang menjadi moto UniSZA semenjak awal penubuhannya setelah dinaik taraf daripada KUSZA lebih sedekad yang lalu.

Dato' Naib Canselor menegaskan inilah perumpamaan bagi UniSZA, sebuah bumi Dataran Abidin yang menaungi warga dan persekitarannya dalam bentuk biah solehah. Biah solehah inilah yang menjadi sumber inspirasi kepada kejayaan dan kecemerlangan UniSZA sepanjang empat dekad yang lalu. Dalam tempoh itu, UniSZA telah berjaya melahirkan tokoh agamawan, profesional, dan pemimpin yang cemerlang di persada negara dan dunia. Menurut Dato' Naib Canselor juga, kejayaan dan kecemerlangan yang dikecapi oleh UniSZA hari ini adalah kurniaan Allah s.w.t. yang boleh diungkapkan sebagai Hayatan Toyyibah yang disebut dalam firman Allah s.w.t. dalam surah an-Nahl ayat 97. Justeru, Dato' Naib Canselor menyeru kepada semua yang hadir untuk mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. atas nikmat kejayaan dan kecemerlangan ini.

Tiga hala tuju utama iaitu kecemerlangan akademik, kecemerlangan penyelidikan, dan graduan holistik telah digariskan oleh Dato' Naib Canselor dalam Syarahan Naib Canselor 2019 yang lalu. Pencapaian kepada hala tuju utama tersebut telah dibentangkan oleh Dato' Naib Canselor dalam syarahan kali ini. Ucapan tahniah telah disampaikan oleh Dato' Naib Canselor kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inovasi Akademik (CoMAE-I) dan seluruh fakulti kerana telah melaksanakan pelbagai aktiviti ke arah kecemerlangan akademik seperti penambahbaikan kandungan mengikut kurikulum tersedia masa hadapan atau Future Ready Curriculum, dan penerapan kemahiran abad ke-21 ke dalam kurikulum akademik. Selain itu, kecemerlangan penyelidikan juga diberi penekanan oleh Dato' Naib Canselor dan tahun 2019 telah menyaksikan UniSZA telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan hala tuju kecemerlangan penyelidikan dapat dicapai. Dato' Naib Canselor juga mengucapkan tahniah kepada Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM) kerana telah mempergiatkan usaha ke arah penyelidikan translasi dan transdisiplin. Manakala bagi pencapaian hala tuju graduan holistik pula, Dato' Naib Canselor dengan bangga menyatakan bahawa UniSZA merupakan universiti



awam pertama di Malaysia yang telah melantik dua orang pelajar menjadi Ahli Senat Universiti. Perlantikan ini merupakan langkah strategik UniSZA dalam menyahut seruan pihak kementerian yang mahu memberi nafas baharu dalam proses pemerkasaan pelajar.

Inti pati utama Syarahan Naib Canselor 2020 ialah Pelan Strategik UniSZA 2020-2022. Dato' Naib Canselor melahirkan rasa syukur kerana Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 telah berjaya dibangunkan dan menyeru agar seluruh warga UniSZA dapat mempersiapkan diri dalam menghadapi segala cabaran mendatang. Kekuatan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 adalah terletak kepada semangat kerjasama dan saling melengkapi dalam perlaksanaan segala strategi dan inisiatif yang telah dirancang. Dato' Naib Canselor menegaskan bahawa jika dahulu segala usaha dalam memastikan kecemerlangan akademik hanya dilaksanakan oleh pusat tanggungjawab yang berkaitan akademik sahaja, namun kini usaha ini akan dilaksanakan oleh pelbagai pihak termasuk Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pusat Sukan dan Rekreasi, Kolej Kediaman dan Kesihatan Pelajar, serta Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. "Mulai hari ini, kita akan saling membantu dan bekerjasama dalam setiap tindakan agar visi dan misi yang telah ditetapkan akan dapat dicapai bersama", ujar beliau.

Majlis Syarahan Naib Canselor 2020 menyaksikan visi UniSZA iaitu 'Universiti Islam Integrasi Kontemporari' diolah dalam tiga tunjang lestari yang menjadi identiti UniSZA. Dato' Naib Canselor telah menyampaikan ketiganya tunjang lestari tersebut dengan penuh bersemangat dan menjadi harapan beliau agar warga UniSZA memahami dan menghayati tunjang lestari ini. Tunjang lestari pertama, UniSZA adalah sebuah universiti Islam yang berasaskan paradigma tauhid. Ia mewacanakan sebuah institusi pengajian yang makmur dengan konsep *tarbiyyah, ta'alim, ta'dib* dan *tazkiyyah* yang kini akan diperkasakan dalam jenama baharu iaitu '*Flexible Education with Soul*'. Tunjang lestari kedua pula ialah, UniSZA adalah sebuah institusi pengajian berkonseptan Integrasi Ilmu. Konsep pendidikan bersepadan yang tercatat pada legasi ilmuannya diterjemahkan sebagai kesepaduan ilmu wahyu (al-Quran dan al-Sunnah) sebagai teras kepada ilmu akal. Manakala tunjang lestari ketiga adalah UniSZA sebagai sebuah institusi pengajian yang memenuhi keperluan kontemporari. Kontemporari membawa maksud medium penyambung kebijaksanaan silam dan cabaran masa depan dalam pembinaan peradaban. Justeru menjadi harapan Dato' Naib Canselor agar UniSZA akan sentiasa bersedia dalam menangani hari ini, dan mendepani masa hadapan dalam konteks cabaran keagamaan, kemasyarakatan, serta sains dan teknologi.

Bagi mencapai visi yang telah disampaikan oleh Dato' Naib Canselor, UniSZA telah menetapkan satu misi iaitu melahirkan insan holistik yang dilengkapi dengan nilai-nilai Naseem melalui pendidikan cemerlang dan penyelidikan berimpak tinggi ke arah memperkasakan masyarakat. Visi dan misi UniSZA akan dipandu oleh lapan nilai teras Naseem iaitu: (i) ilmu; (ii) iman dan akhlak; (iii) amal; (iv) kepimpinan atau *qiyaadah*; (v) kolaborasi atau *ta'awun*; (vi) keusahawanan atau *tijarah*; (vii) transformasi atau *taghyir*; dan (viii) inovasi atau *ibtihaar*.

Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 menggariskan empat objektif strategi iaitu: (i) Graduan Kalis Masa Hadapan; (ii) Wira Komuniti; (iii) Penyelidikan Bertaraf Dunia; dan (iv) Universiti Tersohor di Peringkat Antarabangsa. Dato' Naib Canselor menegaskan pendidikan yang cemerlang bermaksud ia tidak hanya berpaksikan kepada kekuatan aqliah sahaja tetapi pendidikan yang komprehensif dan holistik serta berorientasikan masa depan. Bagi mencapai hasrat melahirkan Graduan Kalis Masa Hadapan, lima inisiatif akan dilaksanakan iaitu: (i) pembentukan kurikulum tersedia masa hadapan; (ii) penyediaan ekosistem pembelajaran yang komprehensif dan lestari; (iii) Flexible Education with Soul (FlexS); (iv) Graduan kehendak industri; serta (v) Pemerkasaan pelajar yang aktif dan efektif. Menurut Dato' Naib Canselor lagi, lima inisiatif ini akan dilaksanakan secara berganding bahu oleh Pusat Pengurusan Kecemerlangan Akademik dan Inovasi Akademik (CoMAE-I), Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT), Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Menerusi Pelan Strategik UniSZA 2020-2022, Dato' Naib Canselor menyatakan bahawa UniSZA perlu komited untuk terus menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang





dalam menyelaras segala aktiviti yang bakal dilaksanakan di bawah kedua-dua inisiatif ini.

Dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan di UniSZA bertaraf dunia, pelbagai inisiatif telah dirancang menerusi pelan strategik ini. Menurut Dato' Naib Canselor, inisiatif ini dirangka bertujuan menghadapi cabaran dengan cara yang terbaik serta hasilnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Menurut beliau lagi, bagi mencapai hasrat dan objektif ini, UniSZA telah merangka pelbagai aktiviti dan perancangan sepanjang tahun 2020-2022. Antara tiga inisiatif utama ialah: (i) Menghasilkan warga penyelidik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; (ii) Merancakkan kerjasama penyelidikan bersama pihak industri; dan (iii) Mengeluarkan hasil penyelidikan yang berkualiti tinggi. Segala inisiatif ini akan diselaraskan secara bersama oleh Pusat Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM), Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dan Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC).

Objektif strategi yang keempat adalah untuk menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti tersohor di peringkat antarabangsa. Dato' Naib Canselor mengingatkan warga UniSZA bahawa strategi ini memerlukan gerak kerja yang aktif, terancang dan bersepadu. Justeru, tiga inisiatif utama telah digariskan iaitu: (i) Pembangunan bakat berdasarkan kompetensi; (ii) Memperhebat program-program bertaraf antarabangsa; dan (iii) Memperluas dan memantapkan jaringan global melalui kolaborasi strategik. Bagi memastikan segala inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, Pusat Pengurusan Latihan dan Bakat (CenTTM), Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan dan Pelaburan (P4P) dan Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan (CCoRM) telah diamanahkan untuk merancang dan menyelaras segala aktiviti yang berkaitan dengan objektif strategi ini. Dato' Naib Canselor telah mengumumkan juga bahawa pada tahun ini, UniSZA telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM550,000.00 kepada semua fakulti bagi menggalakkan sebarang aktiviti yang dapat meningkatkan jaringan hubungan antarabangsa antara pihak fakulti dengan organisasi pilihan masing-masing.

Setelah selesai menyampaikan inti pati Pelan Strategik UniSZA 2020-2022, Dato' Naib Canselor juga menyentuh berkenaan penjanaan hasil universiti melalui UniSZA Holding Sdn. Bhd.. Dato' Naib Canselor ada menyebut bahawa kebergantungan universiti awam terhadap dana kewangan kerajaan harus dikurangkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, kepelbagaiannya sumber perlu diperhebat agar dapat memberi pulangan yang optimum kepada universiti. Beliau turut menyatakan, inisiatif ini perlu diperkisasikan dengan sokongan UniSZA Holding Sdn. Bhd. sebagai sebuah badan yang berfungsi untuk menjana hasil universiti. Dato' Naib Canselor menyenaraikan beberapa aktiviti penjanaan hasil yang boleh dilaksanakan iaitu penjanaan hasil melalui hospital UniSZA, program akademik melalui UniSZA SPACE, projek pembangunan harta tanah dan prasarana UniSZA, dan pengkomersian produk penyelidikan UniSZA melalui UniSZA Venture.

Sebelum mengakhiri ucapan, Dato' Naib Canselor menyeru semua warga UniSZA sama-sama berganding bahu merealisasikan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 ini agar kejayaan dan kecemerlangan UniSZA akan terus terserlah di seluruh pelusuk dunia. Syarahan Naib Canselor 2020 diakhiri dengan bacaan sajak oleh Dato' Naib Canselor yang bertajuk Tanah Ini, hasil nukilan Prof. Madya Dr. Wan Yusof Wan Chik dan Ustaz Zulkifli Mohd.

bukan sahaja dapat melahirkan graduan yang terbaik, bahkan UniSZA juga ingin menjadi Wira Komuniti. Wira Komuniti bermaksud individu yang dapat memberi manfaat secara langsung dan memberi kesan kepada masyarakat dan negara. UniSZA harus berperanan menjadi institusi pengajian tinggi yang dapat menjana ilmu untuk kesejahteraan masyarakat setempat. Bagi mencapai hasrat ini, dua inisiatif utama telah ditetapkan iaitu: (i) Penubuhan Hub Pembangunan Komuniti; dan (ii) Pelaksanaan Projek Penyelidikan berdasarkan Komuniti yang Mampan. Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) dan Fakulti Sains Sosial dan Gunaan (FSSG) telah dipertanggungjawabkan dalam menyelaras segala aktiviti yang bakal dilaksanakan di bawah kedua-dua inisiatif ini.

Dalam memastikan penyelidikan yang dijalankan di UniSZA bertaraf dunia, pelbagai inisiatif telah dirancang menerusi pelan strategik ini. Menurut Dato' Naib Canselor, inisiatif ini dirangka bertujuan menghadapi cabaran dengan cara yang terbaik serta hasilnya dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Menurut beliau lagi, bagi mencapai hasrat dan objektif ini, UniSZA telah merangka pelbagai aktiviti dan perancangan sepanjang tahun 2020-2022. Antara tiga inisiatif utama ialah: (i) Menghasilkan warga penyelidik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa; (ii) Merancakkan kerjasama penyelidikan bersama pihak industri; dan (iii) Mengeluarkan hasil penyelidikan yang berkualiti tinggi. Segala inisiatif ini akan diselaraskan secara bersama oleh Pusat Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan (CREIM), Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) dan Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC).

Objektif strategi yang keempat adalah untuk menjadikan UniSZA sebagai sebuah universiti tersohor di peringkat antarabangsa. Dato' Naib Canselor mengingatkan warga UniSZA bahawa strategi ini memerlukan gerak kerja yang aktif, terancang dan bersepadu. Justeru, tiga inisiatif utama telah digariskan iaitu: (i) Pembangunan bakat berdasarkan kompetensi; (ii) Memperhebat program-program bertaraf antarabangsa; dan (iii) Memperluas dan memantapkan jaringan global melalui kolaborasi strategik. Bagi memastikan segala inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, Pusat Pengurusan Latihan dan Bakat (CenTTM), Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan dan Pelaburan (P4P) dan Pusat Komunikasi Korporat dan Pengurusan Perhubungan (CCoRM) telah diamanahkan untuk merancang dan menyelaras segala aktiviti yang berkaitan dengan objektif strategi ini. Dato' Naib Canselor telah mengumumkan juga bahawa pada tahun ini, UniSZA telah menyediakan peruntukan khas sebanyak RM550,000.00 kepada semua fakulti bagi menggalakkan sebarang aktiviti yang dapat meningkatkan jaringan hubungan antarabangsa antara pihak fakulti dengan organisasi pilihan masing-masing.

Setelah selesai menyampaikan inti pati Pelan Strategik UniSZA 2020-2022, Dato' Naib Canselor juga menyentuh berkenaan penjanaan hasil universiti melalui UniSZA Holding Sdn. Bhd.. Dato' Naib Canselor ada menyebut bahawa kebergantungan universiti awam terhadap dana kewangan kerajaan harus dikurangkan dari semasa ke semasa. Oleh itu, kepelbagaiannya sumber perlu diperhebat agar dapat memberi pulangan yang optimum kepada universiti. Beliau turut menyatakan, inisiatif ini perlu diperkisasikan dengan sokongan UniSZA Holding Sdn. Bhd. sebagai sebuah badan yang berfungsi untuk menjana hasil universiti. Dato' Naib Canselor menyenaraikan beberapa aktiviti penjanaan hasil yang boleh dilaksanakan iaitu penjanaan hasil melalui hospital UniSZA, program akademik melalui UniSZA SPACE, projek pembangunan harta tanah dan prasarana UniSZA, dan pengkomersian produk penyelidikan UniSZA melalui UniSZA Venture.

Sebelum mengakhiri ucapan, Dato' Naib Canselor menyeru semua warga UniSZA sama-sama berganding bahu merealisasikan Pelan Strategik UniSZA 2020-2022 ini agar kejayaan dan kecemerlangan UniSZA akan terus terserlah di seluruh pelusuk dunia. Syarahan Naib Canselor 2020 diakhiri dengan bacaan sajak oleh Dato' Naib Canselor yang bertajuk Tanah Ini, hasil nukilan Prof. Madya Dr. Wan Yusof Wan Chik dan Ustaz Zulkifli Mohd.



# Alumni Sarjana Muda Teknologi Makanan Kongsi Pengalaman

Satu sesi perkongsian melalui seminar bersama alumni Sarjana Muda Teknologi Makanan (SMTM), Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM) telah julung kali diadakan pada 13 November 2019 bertempat di Blok D, Kampus Besut. Program ini melibatkan empat orang penceramah dari kalangan alumni SMTM dan 16 orang pensyarah Pusat Pengajian Industri Makanan. Seminar ini disasarkan kepada pelajar tahun satu dan dua program SMTM bertujuan memberi pendedahan awal serta membuka minda yang lebih luas kepada peserta program tentang hala tuju program SMTM melalui perkongsian pengalaman alumni sendiri.

Empat orang alumni program SMTM yang dijemput sebagai penceramah jemputan adalah Pelajar Siswazah Universiti Malaysia Pahang, Encik Aiman Hamdan, Pengurus Produksi Adifood Products Sdn. Bhd, Encik Mohd Nizamuddin, Pegawai Teknologi Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Encik Khairi Hilman, dan Pengurus Saleha Bakeri, Encik Mohamad Ritzuwan Syde. Perbezaan bidang kerjaya dalam kriteria pemilihan penceramah ini adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi kebolehpasaran graduan melalui pendedahan awal daripada alumni mengenai kemahiran dan kepakaran yang diperlukan dalam kerjaya sama ada bekerja sendiri, sektor kerajaan atau swasta.

Seminar ini telah diadakan dalam bentuk forum yang dipandu oleh seorang moderator. Sesi forum dimulakan dengan sesi perkongsian daripada semua penceramah berkaitan pengalaman kerjaya serta latar belakang syarikat kepada peserta seminar. Selain itu, pelajar juga didedahkan dengan peluang kerjaya yang ada dan tips untuk permohonan kerjaya setelah tamat pengajian kelak. Bagi pelajar yang ingin meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, tips serta persediaan yang perlu dilakukan sebelum tamat pengajian turut dikongsi oleh penceramah. Keberkesanan program ini kepada pelajar turut dinilai melalui kuiz. Pelajar dikehendaki menjawab sepuluh soalan yang berkaitan dengan isu yang telah diutarakan oleh penceramah ketika sesi forum dan tiga orang pemenang telah dipilih berdasarkan kepastisan dan ketepatan dalam menjawab soalan kuiz tersebut.

Seminar seperti ini telah dapat membuka minda para pelajar tahun satu dan dua tentang hala tuju bidang pengajian teknologi makanan serta dapat membuat persediaan yang lebih awal berkaitan kemahiran serta sijil yang diperlukan untuk kebolehpasaran graduan SMTM. Oleh itu, diharapkan program ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.



# Industri Coklat: Perkongsian Termanis daripada Lembaga Koko Malaysia

Kursus Teknologi Konfeksi Koko dan Gula merupakan suatu kursus elektif yang ditawarkan oleh Pusat Pengajian Industri Makanan, Fakulti Biosumber dan Industri Makanan (FBIM). Kandungan kursus ini mengaitkan sains dan teknologi dalam pembuatan produk coklat dan konfeksi gula. Dalam memastikan hasil pembelajaran kursus dicapai oleh para pelajar, lawatan sambil belajar ke Pusat Inovatif & Teknologi Koko, Lembaga Koko Malaysia (LKM) telah diadakan pada 13 Disember 2019 bermula jam 8 pagi hingga 12 tengahari dan disertai oleh 40 orang pelajar serta tiga orang pensyarah/pegawai sains. Tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang industri pembuatan coklat secara lebih mendalam terutama terhadap alat-alat berteknologi tinggi yang terlibat dalam proses menghasilkan coklat seperti *conching machine*, *tempering machine* dan *panning machine*. Alat-alat ini digunakan dalam menghasilkan pelbagai produk coklat termasuk coklat bar, pralin dan coklat bulat. Lawatan dimulakan dengan sesi penerangan ringkas oleh wakil LKM dan diikuti dengan lawatan ke makmal. Semasa lawatan diadakan, para pelajar telah berpeluang untuk melihat demonstrasi penghasilan coklat serta mengendalikan beberapa peralatan secara amali. Secara keseluruhannya, lawatan tersebut telah memberikan impak yang positif kepada para pelajar. Semoga lawatan singkat ini menjadi titik permulaan dalam membina jaringan industri antara FBIM dengan LKM.



## Kor-Suksis UniSZA dengan kerjasama Pusat Islam UniSZA anjur Program Semarak Cinta Rasul

Program Semarak Cinta Rasul (2019) diadakan dengan tujuan memberi ruang kepada warga UniSZA mendalami semangat cinta kepada Rasulullah s.a.w. dengan cara berselawat secara berjemaah. Program ini berupaya menjadi platform kepada mahasiswa untuk bersama-sama menggembungkan tenaga dan mengambil cakna pada budaya mendalami ilmu tanpa terikat dengan pembelajaran di dalam kelas semata-mata.

Pada 9 November 2019 bertempat di Masjid UniSZA, Sukarelawan Polis Siswa Siswi UniSZA (Kor-Suksis) dengan kerjasama Pusat Islam telah menganjurkan Program Semarak Cinta Rasul yang disertai oleh 100 orang Mahasiswa Kor-Suksis.

Program ini merupakan satu medium yang amat baik dalam mencetus transfromasi terhadap potensi diri, minda dan tingkah laku mahasiswa untuk melahirkan generasi muda yang mampu menjadi pemangkin terhadap aspirasi negara.

Program sebegini memberikan impak yang positif terhadap universiti khususnya dengan membantu universiti melahirkan mahasiswa yang seimbang dari segi agama dan akademik. Selain itu, universiti juga dapat melahirkan graduan yang memiliki nilai adab dan moral yang tinggi serta melahirkan suasana mahabbah kepada Rasulullah s.a.w. dengan berselawat dan berzikir di samping menambahkan lagi kecintaan terhadap Baginda.

Bertemakan Negara Rahmah Ummah Sejahtera, program ini dimulai dengan Perarakan Maulidur Rasul dengan alunan qasidah, bermula dari tasik UniSZA sehingga ke Masjid UniSZA. Seterusnya program diteruskan dengan ceramah Maulidur Rasul yang bertajuk Nabi Muhammad s.a.w. Pembawa Rahmat yang disampaikan oleh pensyarah Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) PM. Dr. Mohamad Zaidin Mat @ Mohamad. Sambutan yang diterima daripada mahasiswa amat menggalakkan dan reaksi yang diberikan adalah positif. Justeru, Pusat Islam akan terus bekerjasama dengan mahasiswa bagi menganjurkan program seumpama ini pada masa yang akan datang.



# Kursus Asas Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Selaras dengan garis panduan Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan, Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) Pusat Pengurusan Makmal Berpusat (CLMC) memainkan peranan dengan mewujudkan latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada semua staf dan pengguna makmal. Justeru, Kursus Asas Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Siri 1 telah diadakan pada 28 – 29 Oktober 2019 di Dewan Auditorium, Bangunan Akademik, Kampus Gong Badak.

Tujuan utama kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan penerangan lebih terperinci berkenaan pengurusan KKP di makmal yang merangkumi skop pengurusan bahan kimia dan sisa, pertolongan awal kecemasan dan membudayakan keselamatan dan kesihatan pekerja.

Sesi pertama kursus dimulakan dengan ucapan aluan oleh Ketua UKKP CLMC, Cik Rokiah Zainuddin yang menyampaikan fungsi UKKP serta matlamat penganjuran kursus ini. Dalam slot pertama, Cik Rokiah Zainuddin menerangkan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di Makmal. Kursus ini diteruskan lagi oleh Pengarah CLMC, Dr. Azman Azid yang berkongsi tentang Pengenalpastian Bahaya dan Pengawalan Risiko dan Prosedur Kerja Selamat. Sesi petang pula para peserta diberikan taklimat berkenaan Keselamatan Radas Kaca dan Peralatan Asas Makmal oleh Ketua Penyelaras CLMC, Puan Norhaslinda Haron.

Pada hari kedua kursus, dua sesi perkongsian ilmu disampaikan oleh Pegawai Sains Kanan, Encik Noor Muzammil Mohamad iaitu Keselamatan Biologi dan Pengurusan Keselamatan Bahan Kimia. Manakala slot terakhir kursus bertajuk Pertolongan Awal Kecemasan disampaikan oleh Pensyarah Kanan, Fakulti Perubatan iaitu Dr. Wan Mohd Razin Wan Hassan. Kursus interaktif ini turut diselangselikan dengan permainan Kahoot! dalam kalangan peserta bagi setiap sesi perkongsian.

Pelaksanaan kursus Asas Keselamatan ini diharapkan dapat menjadi satu langkah permulaan dalam memastikan staf CLMC bersama-sama menjayakan serta membudayakan sistem pengurusan makmal yang selamat. Program pembelajaran sepanjang hayat sebegini dapat meningkatkan ilmu dan kemahiran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.



# LESTRAFEST

## MEMARTABATKAN ELEMEN SASTERA DALAM MASYARAKAT



Festival Lestari Tradisi atau lebih dikenali sebagai LestraFest telah diadakan pada 23 hingga 24 November 2019, bertempat di UniSZA. LestraFest yang merupakan sebuah program anjuran pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dengan Komunikasi, Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) adalah sebuah platform aktiviti bersama masyarakat dan warga UniSZA. Aktiviti utama yang dijalankan dalam festival ini ialah *Monsoon Run 2.0* dan Sayembara Pelestarian Puisi.

*Monsoon Run 2.0* yang dianjurkan kali kedua ini adalah acara larian yang unik dan menetapkan peserta perlu memakai pakaian berunsur tradisional. Lokasi aktiviti juga dihiasi elemen batik serta dimeriahkan dengan permainan tradisional seperti teng-teng, congkak dan lain-lain. Persembahan tarian tradisional daripada kumpulan Warisan Sari turut diadakan. Sayembara Pelestarian Puisi pula melibatkan dua jenis pertandingan iaitu deklamasi sajak dan penulisan puisi. Pertandingan deklamasi sajak telah mendapat 20 penyertaan dari kategori institusi pengajian tinggi dan kategori terbuka. Manakala, 58 peserta telah menyertai pertandingan menulis sajak untuk kategori institusi pengajian tinggi, kategori terbuka dan kategori antarabangsa. Finalis bagi pertandingan deklamasi sajak telah mempersembahkan sajak pilihan mereka di majlis penutup LestraFest 2019 yang turut dihadiri oleh Sasterawan Negara, Dato' Seri A. Samad Said sebagai tetamu kehormat. Beliau telah dilantik sebagai Sasterawan di UniSZA. Beliau turut mendeklamasikan salah satu sajak karya beliau berjudul ‘Tetamu Senja’. Peserta dari Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Saudari Nur Aziean Abdullah telah menjuarai pertandingan deklamasi puisi kategori institusi pengajian tinggi manakala Saudara Muhammad Shohaimil Haffiz Salleh telah merangkul gelaran juara untuk kategori terbuka.

Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan dalam ucapan majlis penutup telah menzahirkan rasa bangga terhadap komitmen serta kesungguhan para peserta dan pengajur memartabatkan elemen sastera dalam kehidupan seharian. Malah, beliau turut menzahirkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana mencetuskan idea Sasterawan di Universiti yang kini memberi manfaat bagi para pelajar di institusi pendidikan tinggi dalam menyemai rasa kecintaan terhadap puisi dan Sastera Melayu. Tambahan pula, program seumpama ini mampu melestarikan kesusasteraan dan kebudayaan dalam masyarakat khususnya generasi muda. Sehubungan dengan itu, pihak FBK akan terus menganjurkan pelbagai aktiviti dalam pemerkasaan bidang bahasa seiring dengan misi dan visi fakulti serta universiti.

# PROGRAM BENGKEL KEUSAHAWANAN SHOPEE

Objektif utama Bengkel Keusahawanan Shopee anjuran Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) adalah untuk memberi pendedahan mengenai ruang-ruang kerjaya selepas bergraduat kepada para pelajar. Sehubungan itu, bengkel ini bertujuan memperkenalkan Shopee sebagai salah satu platform perniagaan dalam talian kepada pelajar tahun akhir yang diadakan pada 7 Disember 2019 yang lalu, di Dewan Ibnu Khaldun.

Pada masa kini, perniagaan dalam talian ini semakin dikenali dan diceburi oleh masyarakat. Hal ini disebabkan kaedah perniagaan ini mudah dijalankan dengan modal yang rendah dan amat bersesuaian untuk pelajar yang ingin berjinak-jinak dalam bidang perniagaan. Risikonya juga lebih rendah dan pelajar dapat menguruskan sendiri perniagaan mereka tanpa perlu mengupah ramai pekerja. Selain itu, pelajar juga tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak untuk membeli atau menyewa aset seperti bangunan, peralatan dan kelengkapan lain. Kos untuk memulakan sesebuah perniagaan konvensional biasanya lebih tinggi tetapi ia dapat dikurangkan melalui perniagaan dalam talian.

Perniagaan dalam talian turut memberi peluang kepada peniaga untuk beroperasi selama 24 jam setiap hari. Teknologi yang canggih membolehkan pengguna internet membeli-belah dalam talian pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pelanggan bagi perniagaan dalam talian juga tidak terhad kepada kawasan setempat tetapi mampu tersebar ke seluruh dunia.

Seramai 50 orang pelajar FKI telah menyertai bengkel yang dikendalikan oleh usahawan Shopee Kuala Terengganu, Encik Mohd Ruhaifi Alias ini. Bengkel ini menekankan cara untuk mendaftar di Shopee, memasukkan produk jualan, membuat tetapan kedai dalam talian dan membuat permohonan penghantaran percuma. Melalui pendedahan ini, para pelajar boleh memulakan perniagaan dalam talian selepas mereka bergraduat nanti.



# PROGRAM CEMERLANG ITU PILIHAN SAYA (CIPS)

Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (PTNC HEPA) menganjurkan program Cemerlang Itu Pilihan Saya (CIPS) bertempat di Dewan Auditorium Perpustakaan, UniSZA. Program ini telah disertai seramai 92 orang pelajar UniSZA.

Slot pertama *Power Mind For My Result* disampaikan oleh En. Zaliazam Mohamad dari Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat. Slot ini lebih memberi penekanan ke arah peningkatan kecemerlangan akademik agar melahirkan graduan yang menepati harapan dan keperluan semasa majikan serta pihak industri.

Slot kedua berkonsepkan Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan telah dikendalikan oleh fasilitator Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Modul dalam LDK ini merangkumi aspek pembentukan matlamat dan hala tuju, halangan, perancangan serta tindakan agar mencapai kecemerlangan yang holistik.

Program ini diharapkan dapat meningkatkan prestasi pelajar agar dapat membuat persiapan minda dalam mencapai kecemerlangan akademik. Rata-rata peserta memberi maklum balas positif dan berharap program seumpama ini terus diadakan pada masa akan datang.



# PROGRAM FLAGSHIP SERVICE LEARNING FRIT (DEKAT 2019)



Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mengadakan program *Flagship Service Learning* (DEKAT 2019) pada 12 – 14 Disember 2019 di Paka bersama komuniti FELDA Kerteh 2, Ketengah Jaya. Antara pengisian aktiviti sepanjang program tersebut adalah pembahagian anak angkat kepada keluarga komuniti FELDA, *education toys* yang melibatkan kursus-kursus bagi pengajian pelajar iaitu *Ergonomics Design* (MTM 20213) dan *Workshop Technology* (ADI 11403), gotong-royong, masakan dan lain-lain.

Pelajar Diploma Teknologi Pembuatan Semester 5 diberi tugas untuk menyiapkan reka bentuk meja dan kerusi bagi kursus *Ergonomics Design* (MTM 20213). Semua produk yang telah dihasilkan dibawa untuk diserahkan kepada pihak pengurusan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI), Pusat Latihan Komuniti (PLK) dan tadika di Felda Kerteh 2. Seramai sepuluh orang pelajar dalam satu kumpulan telah ditempatkan di PASTI, PLK dan tadika.

Kumpulan pelajar yang lain ditugaskan untuk menyiapkan lukisan mural di tadika bersama komuniti kawasan tersebut dan mananam serta menyiapkan reka bentuk para untuk penanaman pokok '*Antigonon leptopus*' atau air mata pengantin bagi perusahaan penternakan kelulut oleh masyarakat FELDA. FRIT bukan sahaja fokus dalam bidang akademik pelajar sahaja, malah turut mengambil cakna sumbangan kepada komuniti.



# PROGRAM MESRA SINERGI BERSAMA KAUNSELOR ANDA



Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), telah menganjurkan Program Mesra Sinergi Bersama Kaunselor Anda bertempat di Foyer Fakulti Perubatan. Program ini dihadiri seramai 223 orang pelajar Kampus Perubatan.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar Kampus Perubatan berkaitan peranan serta perkhidmatan yang disediakan di Unit Kaunseling seperti kaunseling individu, berkelompok dan beberapa cabang program yang dilaksanakan. Selain itu, program ini juga bertindak untuk merapatkan jurang antara pelajar Kampus Perubatan dengan Pegawai Psikologi agar pelajar bersifat lebih terbuka menerima perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan.

Beberapa pengisian program telah dilaksanakan seperti slot taklimat kepada pelajar baharu berkaitan peranan Unit Kuanseling dalam pembangunan pelajar yang holistik, pameran perkhidmatan Unit Kaunseling, serta Pendaftaran temu janji sesi kaunseling individu dan kelompok. Menerusi penganjuran program ini, pelajar juga dapat mengenal pasti potensi diri melalui ujian Psikometrik yang disediakan di samping dapat beramah mesra dengan Pegawai Psikologi.

Penganjuran program ini diharapkan dapat meningkatkan lagi jumlah penyertaan dalam kalangan pelajar Kampus Perubatan, selain memberi manfaat yang berguna dalam setiap keterlibatan aktiviti yang dijalankan.

SEJENAK BERSAMA

# PENGARAH KAMPUS BESUT

## PROF. DR. MOHD NORDIN BIN ABDUL RAHMAN

**Apabila Prof. diberi tanggungjawab menggalas jawatan Pengarah Kampus Besut, apakah keutamaan yang ditetapkan dan cabaran yang dihadapi untuk membangunkan Kampus Besut?**

Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UniSZA kerana meletakkan kepercayaan kepada saya untuk menggalas jawatan ini. Kita sedia maklum Kampus Besut ini kampus yang baharu dan keutamaan bagi sesebuah kampus baharu adalah untuk melihat kemudahan infrastruktur dan infostruktur yang sama baik dengan kampus UniSZA yang lain. Ini bertujuan supaya warga kampus dapat menyempurnakan tugas hakiki mereka dalam suasana yang kondusif. Selain itu, keutamaan yang ditetapkan untuk membangunkan Kampus Besut telah dibahagikan kepada enam tonggak utama iaitu 1) *Healthy and Smart Environment*; 2) *Disruptive Thinking*; 3) *Outcome Based*; 4) *Sharing Economy*; 5) *Good Governance*; dan 6) *Data Driven Planning*. Keenam-enam tonggak ini adalah bagi mencapai Pelan Hala Tuju Kampus Besut 2019 – 2021 bagi menjadikan kampus sebagai persekitaran *Student and Community Smart Experience*.

Tonggak pertama iaitu *Healthy and Smart Environment* akan mewujudkan persekitaran dan infrastruktur yang mesra warga dengan mengaplikasi teknologi IR4.0 dalam mendepani rantaian perubahan tindakan akademik, penyelidik, inovasi, pentadbiran dan sumbangan komuniti. Tonggak kedua iaitu *Disruptive Thinking* akan mewujudkan suasana dan cabaran agar warga kampus sentiasa proaktif bagi memikir dan mencipta solusi baharu dalam menyelesaikan permasalahan dengan menggunakan teknologi IR4.0 dan platform pintar. Tonggak ketiga iaitu *Outcome Based* pula akan mengoptimumkan penggunaan sumber seperti tenaga, masa dan kewangan dengan menggalakkan warga kampus untuk merancang program berdasarkan keberhasilan dan memberi impak yang boleh diukur kepada warga kampus serta komuniti. Bagi tonggak seterusnya iaitu *Sharing Economy*, sumber, kepakaran, kemudahan dan ilmu pengetahuan yang ada di kampus akan digembbleng secara kolektif agar dapat dimanfaat sepenuhnya oleh komuniti sekitar, petani serta pemain industri kecil dan sederhana. Tonggak *Good Governance* pula menekankan seluruh warga perlu diberikan pendedahan dan pengalaman yang sesuai bagi memastikan operasi, pentadbiran dan pengurusan yang berlaku di dalam kampus mengikut peraturan, *Standard Operating Procedure (SOP)* dan amalan terbaik bagi memastikan perancangan pembangunan kampus sentiasa berada pada landasan yang betul mengikut pelan tindakan universiti yang telah digariskan. Tonggak keenam dan terakhir iaitu *Data Driven Planning* pula akan mengoptimumkan pencapaian dalam tonggak *outcome based*. Maka perancangan aktiviti, program pembangunan infrastruktur dan infostruktur kampus seharusnya berdasarkan penilaian keputusan yang dibuat berdasarkan kajian yang terperinci, keperluan yang tersaur dan menggunakan data yang tepat seperti yang diunjurkan dalam pelan tindakan universiti dan kerajaan.

Kami juga telah mengenal pasti beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam membangunkan Kampus Besut. Pertama ialah hampir 40% staf Kampus Besut masih berulang-alik setiap hari dari daerah Kuala Terengganu dan Kuala Nerus.



Apabila ditinjau, rata-rata merasakan kemudahan asas sebagai contohnya jalan raya, pasar raya, bank, hospital swasta, sekolah antarabangsa dan lain-lain di kampus dan sekitar kampus adalah agak terpencil bagi mereka dan keluarga berbanding lokasi semasa. Pihak universiti perlu memastikan staf yang berpindah ke Kampus Besut berasa selesa menjalankan amanah yang dipikul untuk manfaat komuniti setempat.

Tambahan pula kebanyakan aktiviti pelajar dan universiti tertumpu di Kampus Gong Badak. Seharusnya aktiviti universiti juga dibawa ke Kampus Besut supaya keterlihatan kampus dan mobiliti staf UniSZA ke kampus ini dapat ditingkatkan. Pelajar di Kampus Besut juga amat memerlukan kemudahan asrama, capaian internet (terutamanya data mudah alih bagi penggunaan telefon pintar), kafeteria dan kemudahan untuk aktiviti riadah supaya masa mereka terisi dengan perkara bermanfaat di dalam kampus. Selain itu cabaran lain seperti peruntukan kewangan yang terhad dan birokrasi yang perlu dihadapi untuk memohon peruntukan dalam keadaan ekonomi negara semasa perlu juga diambil perhatian. Kampus Besut juga sedang giat membangun. Banyak projek pembangunan sedang berlangsung dan memerlukan pemantauan rapi setiap satunya.

**Apakah bentuk fasiliti yang sedia ada dan masih diperlukan untuk memudahkan pengurusan perhubungan Kampus Besut?**

Di Kampus Besut yang luasnya 963 ekar dan Ladang Pasir Akar yang luasnya 200 ekar, terdapat tiga buah pejabat yang memberi perkhidmatan, tiga buah fakulti, asrama pelajar yang dapat menempatkan lebih 1,100 pelajar, kafeteria, perpustakaan, kemudahan bas universiti, jalur lebar ke Internet dengan kapasiti 2 Gbps dan liputan Wi-Fi di kompleks akademik dan asrama. Ketika ini kemudahan Wi-Fi sedang dinaik taraf yang dijangka siap sepenuhnya menjelang September 2020. Pada pendapat saya untuk memudahkan pengurusan perhubungan Kampus Besut, komunikasi maya seperti penggunaan sidang video perlu dipertingkatkan untuk menjimatkan masa dan kos. Ini juga penting bagi membudayakan penggunaan teknologi IR 4.0 dalam kalangan warga. Penggunaan sidang video, siaran langsung Facebook dan YouTube rasmi perlu dilipatgandakan bagi mesyuarat utama dan acara rasmi universiti supaya mobiliti staf dan pelajar dapat dikurangkan. Dalam hal ini, urus setia mesyuarat dan acara perlu memainkan peranan penting dalam melicinkan penggunaan teknologi dan persediaan teknikal.

*Live TV Network* juga telah dipasang di seluruh kampus untuk penyebaran informasi terkini berkaitan UniSZA namun penggunaannya masih tidak dimaksimumkan. Di Kampus Besut juga, pengambilan kehadiran mesyuarat telah mula dilaksanakan menggunakan imbasan kod QR di platform i-UniSZA. Berkenaan kemudahan bas berjadual, ia telah disediakan dan saya fikir tidak perlu ditingkatkan. Ini bagi menggalakkan staf yang bekerja di Kampus Besut untuk terus berpindah secara tetap ke kawasan sekitar Besut.

**UniSZA Kampus Besut dilihat telah mampu meningkatkan perkembangan dan pembangunan masyarakat setempat dari segi pembangunan sosio-ekonomi penduduk. Apakah strategi yang telah dilaksanakan dan bolehkah Prof. nyatakan pencapaian terbesar yang telah diperoleh?**

*Sharing Economy* merupakan salah satu daripada enam tonggak utama dalam Pelan Hala Tuju Kampus Besut 2019 – 2021. Kampus Besut mempunyai sumber yang paling besar iaitu tanah dengan keluasan 963 ekar dan hanya 25 peratus daripadanya telah digunakan. Kampus Besut melalui *Universiti Community Transformation Centre (UCTC)* dan *Knowledge Transfer Program (KTP)* pernah menyediakan platform bagi komuniti untuk menjana pendapatan melalui pertanian. Program seumpama ini jika dijalankan secara



sistematik dengan pengurusan tanah yang tersusun dan lestari boleh meningkatkan perkembangan dan pembangunan masyarakat setempat dari segi pembangunan sosio-ekonomi penduduk. Contoh pertanian yang boleh diusahakan di Kampus Besut adalah Melon Manis Terengganu, tembakai, ubi dan jagung. Kerjasama juga perlu dimantapkan antara fakulti dengan masyarakat untuk menyediakan platform khas bagi eksplorasi bidang teknologi maklumat dan produk industri kecil dan sederhana yang dihasilkan oleh masyarakat setempat. Selain itu, selaras dengan pertambahan bilangan pusat tanggungjawab dan fakulti di Kampus Besut, ia secara tidak langsung akan dapat meningkatkan peluang pekerjaan seperti kerja pembersihan, kontraktor penyelenggaraan dan landskap kepada penduduk setempat.

**Apakah langkah-langkah yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh Prof. untuk mengindahkan suasana persekitaran Kampus Besut?**

Pada tahun 2017 projek Taman Interaktif UniSZA Kampus Besut atau lebih dikenali sebagai TIUB telah mula dilaksanakan. Inisiatif ini adalah salah satu daripada enam projek khas di Kampus Besut yang telah dilancarkan iaitu *Green Campus Infrastructure and Recreation*. Selain itu di bawah projek yang sama telah diwujudkan *Open Plaza* di hadapan tasik untuk warga kampus beriadah. Gimnasium berkonsepkan *outdoor* dan trek jogging juga dibuka untuk orang awam di sepanjang tasik. Satu lagi projek yang telah diluluskan ialah Taman Warisan Hutan Tanah Beris seluas 50 ekar dalam kampus. Taman ini akan dijadikan hutan kekal dan dikayakan dengan semua jenis pokok dan tumbuhan yang boleh hidup di tanah beris sumbangan orang awam dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri. Taman ini boleh digunakan untuk tujuan hutan simpan, ekopelancongan, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran selain untuk tujuan riadah. Bersebelahan dengan lokasi taman tersebut telah ada lembah kelulut dan taman ekuin. Selain itu, projek menaik taraf landskap dan pengindahan kampus juga sedang giat diusahakan dan dijangkakan satu projek rintis akan dimulakan pada pertengahan tahun 2020. Di samping itu Pengurusan Kampus Besut dengan kerjasama PPHB juga sedang mereka bentuk laluan berbumbung yang akan menghubungkan antara perpustakaan, Blok D, Kompleks Pentadbiran dan Akademik serta Blok F. Projek ini juga dijangkakan akan bermula pada tahun 2020.

**Perpustakaan Al-Wathiqu Billah Kampus Besut telah mula beroperasi. Apakah langkah-langkah yang diambil bagi memantapkan peranannya sebagai sebuah pusat sumber di universiti awam?**

Perpustakaan Al-Wathiqu Billah Kampus Besut telah mula beroperasi sejak Januari 2020 dan boleh memuatkan seramai 500 orang pengguna dalam satu masa. Langkah yang telah diambil untuk memantapkan peranannya adalah dengan menyediakan *learning common space*, *cyber gateway*, ruang pelajar pasca siswazah, ruang perbincangan, ruang santai dan ruang bacaan 24 jam. Ruang bacaan 24 jam telah mendapat perkembangan yang positif hasil pemantauan ketat daripada pegawai perpustakaan dan pegawai keselamatan UniSZA sehingga kini. Perpustakaan ini juga telah membuka peluang



kepada sekolah di sekitar kampus untuk lawatan dan guna sama secara rasmi. Perancangan untuk membuka perpustakaan ini kepada orang awam sedang dijalankan dan akan diumumkan pada masa akan datang.

**Boleh Prof. kongsikan tentang perancangan dan strategi yang diambil bagi meningkatkan prasarana dan kemudahan untuk pelajar di Kampus Besut?**

Bagi meningkatkan prasarana dan kemudahan pelajar di Kampus Besut, kami telah berbincang dengan kerajaan negeri Terengganu untuk mengambil alih dan menaik taraf dua blok asrama, kompleks surau dan pusat aktiviti pelajar yang ada di Taman Ilmu. Selain itu, asrama baharu juga akan dibina dengan peruntukan RM150 juta. Selari dengan itu, perkhidmatan bas dalam kampus juga akan ditingkatkan dan sebanyak 50 buah basikal baharu akan ditambah bagi memudahkan pergerakan pelajar di dalam kampus. Liputan WiFi juga akan ditingkatkan pada masa yang sama. Kami merancang untuk memastikan liputan WiFi akan mencapai 100% di Kampus Besut pada tahun 2021. Keutamaan bagi tahun 2020 ialah perpindahan sepenuhnya perpustakaan ke bangunan baharu, perpindahan pejabat pengarah kampus ke bangunan kompleks pentadbiran dan menaik taraf bangunan asrama dan kemudahan pelajar. Melalui Rancangan Malaysia ke-12, kami telah memohon RM315 juta secara keseluruhan bagi menambah pusat tanggungjawab seperti cawangan pejabat Pusat Pengurusan Kecemerlangan dan Inkubator Penyelidikan, pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, pejabat Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat, termasuk perpindahan tiga fakulti iaitu Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Gunaan dan Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa ke Kampus Besut.

**Akhir sekali, apakah harapan Prof. terhadap pembangunan dan kemajuan Kampus Besut dalam usaha memantapkan UniSZA sebagai sebuah universiti Islam Integrasi Kontemporari?**

Harapan saya dalam usaha memantapkan UniSZA sebagai sebuah universiti Islam Integrasi Kontemporari ialah agar fungsi Pusat Islam dimantapkan untuk penganjuran aktiviti kerohanian berimpak tinggi dan secara berkala untuk warga kampus. Untuk itu, struktur organisasi, sumber manusia dan fungsian Pusat Islam Kampus Besut perlu dilihat semula. Di samping itu, dapat dilihat bermula tahun 2020, Pusat Islam Kampus Besut telah mengorak langkah dengan mengadakan program kerjasama dengan perwakilan pelajar dan persatuan pelajar dalam merangka aktiviti kerohanian di dalam kampus. Selain itu, saya juga ingin melihat lebih banyak aktiviti dianjurkan antara warga kampus dengan komuniti, agensi kerajaan setempat, industri kecil sederhana dan institusi pendidikan di sekitar. Kampus Besut juga perlu menjadi kampus yang selamat bagi memastikan persepsi ibu bapa bahawa Kampus Besut adalah selamat untuk menghantar anak mereka belajar di sini. Kampus Besut juga merancang untuk tersenarai sebagai *top 50* dalam *UI GreenMatrix World University Rankings* pada tahun 2021 dengan menjadi kampus dalam taman, selamat dan mesra serta menjadi rujukan kepada institusi pendidikan yang lain.



# **Khazanah Melayu dalam Novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea* dan Filem *The Pirates of the Caribbean***

Nazilah Mohamad

[nazilahmohamad@unisza.edu.my](mailto:nazilahmohamad@unisza.edu.my)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Sultan Zainal Abidin

## **Pendahuluan**

Barangkali ramai orang tidak mengetahui atau amat jarang orang mengetahui mengenai novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea* berbanding dengan filem *The Pirates of the Caribbean*. Perbandingan yang dibuat ini nampaknya seperti kurang wajar apabila mengaitkan novel tersebut dengan filem terkenal dan mendapat tempat di hati peminat di seluruh dunia dari peringkat kanak-kanak sehingga dewasa. Namun, penelitian mendapati terdapat perkaitan yang jelas antara novel dengan filem tersebut dari segi nama watak dan latar belakang penceritaan; masa dan tempat. Novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea* berlatarbelakangkan tempat, budaya dan sejarah Melayu manakala filem *The Pirates of the Caribbean* berlatarkan tempat dan budaya Inggeris.

## **Rentetan Perkaitan Khazanah Melayu dalam Novel dan Filem**

Rentetan tercetusnya perkaitan antara novel dengan filem tersebut bermula daripada tayangan filem *The Pirates of the Caribbean: The Curse of the Black Pearl* (siri pertama) pada tahun 2003 sehingga tayangan yang terakhir setakat masa ini iaitu siri kelima pada tahun 2017 dengan tajuk *The Pirates of the Caribbean: Dead Men Tell No Tales*. Pada awalnya filem tersebut tidak dikaitkan dengan kewujudan novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea* tetapi tertumpu kepada plot dan peralatan yang digunakan dalam filem yang dikatakan mirip dengan sejarah dan kebudayaan Melayu. Perkara ini dibincang dan dibahaskan di laman sesawang; Blog, Wordpress, laman sosial; Facebook oleh peminat dan peneliti cerita tersebut dalam kalangan masyarakat Melayu Malaysia terutamanya. Sebagai contoh, perkara yang dibahaskan ialah peralatan yang digunakan oleh Kapten Jack Sparrow iaitu watak utama dalam filem tersebut berwatakkan sebagai seorang ketua lanun yang menggunakan senjata seakan pistol yang dikatakan dibuat oleh orang Melayu. Rentetan daripada itu, perbahasan berlanjutan dengan mengatakan filem tersebut diadaptasi daripada cerita orang Melayu dahulu yang merupakan bangsa berkemahiran dalam pelayaran dan ada sebahagian daripada orang Melayu melanun kapal dagang.

Perbahasan ini walaupun dibincangkan di alam maya, ia menimbulkan suatu persoalan adakah benar atau muluk yang diujarkan atas dasar semangat kebangsaan tanpa hujahan yang saintifik? Walaupun sekadar perbincangan di alam maya ia pasti ada sedikit sebanyak asasnya yang mengaitkan filem tersebut dengan alam Melayu. Jika ia benar haruslah dibincangkan secara ilmiah dengan fakta yang rasional. Atas dasar ingin tahu penulis menelusuri cerita dalam filem tersebut yang dibantu dengan petunjuk dalam perbincangan seperti yang dinyatakan di atas dan menemukan satu naskah novel langka yang bertajuk *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of The Malay Sea* ditulis oleh Hyatt Stanley Portal sekitar tahun 1900. Sudah pasti, cerita ini mendahului kewujudan filem *The Pirates of the Caribbean*. Setelah penelitian dilakukan didapati terdapat persamaan antara novel dengan filem tersebut dari segi nama watak, penceritaan (latar masa dan tempat), serta peralatan. Perbincangan ini bukanlah meneliti pengadaptasian novel ke filem tetapi lebih kepada mengupas elemen bahasa dan budaya Melayu, peristiwa serta sejarah dalam novel dan filem tersebut.

## **Novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea* LWN Filem *The Pirates of the Caribbean***

Novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay* ditulis oleh Hyatt Stanley Portal seorang penggembira dan

penulis novel berbangsa Inggeris. Beliau dilahirkan pada tahun 1877 dan meninggal dunia pada tahun 1914. Sepanjang hidupnya, beliau telah menulis berpuluhan buah novel antaranya novel *The Old Transport Road*, *The Law of the Bolo* dan *People of Position*.

Novel *The Black Pearl Of Peihoo: A Tale of the Malay* setebal 225 muka surat dengan 35 bab diterbitkan di London sekitar tahun 1900. Dalam novel tersebut, tidak dicatatkan tahun cetakan dan kebanyakan institusi (lihat Perpustakaan Negara, Perpustakaan British, Perpustakaan Singapura) memberikan tahun penerbitan novel tersebut pada tahun 1900. Novel tersebut telah wujud di Perpustakaan Negara sejak tahun 1973 dan ia mula diketahui umum apabila tertayangnya filem *The Pirates of the Caribbean*. Walaupun novel ini ditulis oleh orang Inggeris namun kandungan novel tersebut menceritakan mengenai tempat, orang, budaya dan sejarah Melayu. Penulis novel menceritakan kisah seorang pemuda Inggeris bernama Jack Wayne yang datang ke Borneo atas tugas sebagai pembantu kepada jurugambar *naturalist* yang terkenal. Jack Wayne merupakan anak kepada Kolonel Wayne. Di sinilah bermulanya, penggembalaan Jack menelusuri Borneo yang dikatakan sebagai tempat paling terhad di dunia ini untuk melihat perkara pelik dan menakjubkan. Pelbagai dugaan ditempuh oleh Jack seperti persengketaannya dengan orang tempatan Borneo, lanun dan harta karun.

Sementara itu, filem *The Pirates of the Caribbean* yang mempunyai lima siri ditayangkan pada tahun 2003, 2006, 2007, 2011 dan 2017 oleh Syarikat Walt Disney. Filem ini ditulis oleh Ted Elliott, Terry Rossio, Jeff Nathanson, Stuart Beattie dan Jay Wolpert dan diarahkan oleh Gore Verbinski, Rob Marshall, Espen Sandberg dan Joachim Ronning. Watak utama filem ini ialah Jack Sparrow yang dilakonkan oleh Johnny Depp berwatakkan seorang ketua lanun yang memiliki kapal bernama '*Black Pearl*'. Filem ini mengundang kontroversi apabila syarikat Disney disaman oleh penulis A. Lee Alfred II dan Ezequiel Martinez Jr. yang mendakwa Syarikat Walt Disney melakukan plagiat jalan cerita '*The Pirates of the Caribbean*' merangkumi latar, dialog, watak dan plot. Walau bagaimana pun, ternyata kedua-dua pihak sama ada Walt Disney mahupun A. Lee Alfred II dan Ezequiel Martinez Jr. tidak langsung menyatakan apakah memberikan kredit bahawa cerita paling asal yang memberi inspirasi sehingga terhasilnya filem *The Pirates of the Caribbean* ialah hasil novel yang ditulis oleh Hyatt Stanley Portal pada tahun 1900. Persamaan filem dan novel tersebut agak sukar untuk disanggah, berikut perbandingan antara kedua-duanya:

Bil	Perkara	Novel oleh Hyatt Stanley Portal Tahun 1900	Filem oleh Disney Tahun 2003, 2006, 2007, 2011, 2017
1.	Tajuk	<i>The Black Pearl of Peihoo: A Tale of The Malay</i>	<i>The Pirates of the Caribbean: The Curse of the Black Pearl</i>
2.	Bab novel/siri filem	a) <i>The Black Pearl</i> (Bab 6) b) <i>Dead Men Tell No Tales</i> (Bab 24)	a) <i>The Curse of the Black Pearl</i> (Siri I) b) <i>Dead Men Tell No Tales</i> (Siri VI)
3	Tema cerita	Lanun dan harta karun	Lanun dan harta karun
4.	Latar	a) Masa: abad ke 17-19 b) Tempat: Laut, sungai, kapal, gua, hutan	a) Masa: abad ke 17-19 b) Tempat: Laut, sungai, kapal, gua, hutan

Selain persamaan yang dinyatakan di atas, novel dan filem tersebut menonjolkan watak dalam kalangan orang Cina. Dalam novel *The Black Pearl of Peihoo*, watak Cina yang bernama Ah Lung sentiasa bersama dengan Jack dan lanun dari Cina Kantonis serta lanun Jong Cina turut disebut dalam novel tersebut. Sementara itu, dalam filem *The Pirates of the Caribbean: At World's End* Siri III turut memaparkan lanun Cina. Penekanan mengenai Jong atau kapal Cina dan lanun Cina jelas ditunjukkan dalam novel ini. Hal ini berkaitan dengan kedudukan Borneo yang menjadi persinggahan pedagang dari China dan India di samping pada waktu itu Brunei turut menjalinkan hubungan perdagangan dengan China. Selain itu, kemasyhuran Jong Cina yang kukuh semasa pemerintahan Dinasti Qing abad ke-17 menyebabkannya digeruni oleh kuasa Barat dan Asia sendiri. Misalnya dalam cerita Ratu Patani yang ditulis oleh Isma Ae Mohamad (2015) menyatakan kekuahan Jong Cina yang mampu belayar jauh.

### **Black Pearl**

Persamaan yang paling menonjol antara novel dengan filem tersebut ialah ‘*Black Pearl*’ atau dalam bahasa Melayu digelar ‘mutiara hitam’. Walaupun kedua-duanya menggunakan perkataan yang sama tetapi rujukannya berbeza kerana dalam novel ‘*Black Pearl*’ merujuk kepada barang hiasan ‘mutiara hitam’ sebaliknya dalam filem ia merujuk sebuah kapal yang mempunyai kuasa sakti. Hal yang menariknya, kedua-duanya memberi penonjolan kepada ‘*Black Pearl*’ yang sekali gus memberi interpretasi bahawa ia begitu berharga dan istimewa ketika itu yang menjadi rebutan ramai orang.

‘*Black Pearl of Peihoo*’ dalam novel ini disebut oleh Ah Lung yang menyatakan “ *black pearl, very great thing of Chinese Emperor....had been one of the famous and most sacred possessions of the Chinese Emperors*”. Oleh sebab Ah Lung merupakan orang Cina, lalu ‘*Black Pearl*’ dikaitkan dengan cerita di tempat asalnya iaitu di negeri China. Hal ini dapat dilihat melalui nama ‘peihoo’ yang merupakan sebutan dalam bahasa Cina bermaksud ‘sungai putih’ iaitu suatu nama sungai di kawasan Tanah Besar China yang juga dikenali sebagai Hai River ‘laut sungai’. Dalam cerita dongeng Cina, semasa pemerintahan Maharaja Kuning ‘*Yellow Emperors*’ pada abad pertama (2701) sebelum Masihi telah wujud ‘mutiara hitam’ dan ia sangat berharga (Cohen 2012). ‘Mutiara hitam’ tidak dinafikan merupakan salah satu barang berharga ketika itu dan pada masa kini kerana ia merupakan komoditi yang jarang dilihat dan sukar dicari.

Pencarian mutiara tersebut semakin rancak bermula pada abad ke-14 apabila orang Barat mulai menjumpai komoditi ini atas faktor penerokaan dan penaklukan. Oleh sebab itu, ‘mutiara hitam’ menjadi salah satu budaya popular dalam masyarakat Barat kerana komoditi itu sangat berharga. Marisa Goebel dan Dona Mary Dirlam (1989) dalam kajiannya menyatakan ‘mutiara hitam’ ini terdapat di Asia seperti kawasan Indonesia dan Filipina. Sehubungan itu, perkaitan tempat Borneo dan ‘mutiara hitam’ dalam novel *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay* mempunyai kaitan yang logik. Malahan dalam novel itu menggambarkan Jack diburu oleh lanun Jong Cina dan lanun Kantonis-Cina disebabkan oleh ‘mutiara hitam’. Filem *The Pirates of the Caribbean* pula memaparkan Jack Sparrow memburu dan diburu disebabkan oleh harta karun. Selain itu, dalam siri III filem itu memperlihatkan watak ketua lanun Cina memberikan ‘mutiara hitam’ kepada heroin sebagai lambang pelantikan ketua lanun untuk mengantikannya. Penceritaan ini menunjukkan satu titik penting bahawa Kepulauan Melayu ini mengandungi khazanah yang berharga sehingga menarik kuasa Eropah untuk datang meneroka yang membawa kepada penaklukannya.

### **Lanun**

Tajuk dalam novel yang ditulis oleh Hyatt Stanley Portal mempunyai perkaitan yang logik iaitu harta karun berupaya ‘mutiara hitam’ yang dijumpai di Borneo dan sememangnya kawasan tersebut merupakan lubuk mutiara sehingga pada masa kini. Selain itu, kawasan Borneo turut terkenal dengan serangan lanun yang sehingga kini berlaku terutamanya di kawasan Sabah dan Filipina. Namun, dalam filem *The Pirates of the Caribbean* tidak menampakkan rasional kaitan dengan lanun dan Pulau Carribean namun ia mula (sengaja) dikaitkan dengan lanun yang cuba dihalau oleh tentera British, Amerika, dan Perancis yang sebenarnya menguasai Pulau Carribean. Kebanyakan petunjuk kaitan lanun dengan tentera Barat bermula selepas tayangan filem *The Pirates of the Caribbean* (2003).

Hal ini berbeza kaitan antara lanun dengan laut Melayu, meskipun dalam novel tersebut menonjolkan lanun Cina disebabkan kawasan Borneo menjadi rebutan oleh kuasa Eropah dan Cina. Ada sebahagian pembaca novel (lihat *gooreads rating*) tersebut beranggapan penulis Barat sekian lama sengaja melakukan isu perkauman dengan menonjolkan kuli orang Melayu lebih rendah tarafnya dengan kuli Cina. Walau bagaimanapun bukan isu tersebut ingin dibahaskan tetapi catatan Barat sama ada melalui buku, artikel dan utusan kerap kali menyebut dan mempertalikan Borneo dengan lanun seperti yang ditunjukkan dalam catatan berikut:

Bil	Tajuk	Penulis	Tahun
1.	<i>The Expedition to Borneo of H.M.S Dido for the Suppression of Piracy</i>	Captain The Hon. Henry Keppel	1847
2.	<i>Borneo: Correspondence Respecting Piracy in the Eastern Archipelago,</i>	Palmerston	1853
3.	<i>The Borneo Question or The Evidence Produced at Singapore</i>	Straits Guardian	1854
4.	<i>Piracy in Borneo and the Operations of July, 1849</i>	WE Gladstone	1877
5.	<i>Tribes and States in "Pre-Colonial" Borneo: Structural Contradictions and the Generation of Piracy</i>	Christopher J. Healey	1985
6.	<i>The Real Pirates of Borneo</i>	Archibald Allison	1898

Siapakah orang Borneo yang dikatakan sebagai lanun? Kebanyakan pengkaji Barat khususnya seperti James

Francis Warren (2002) dalam bukunya *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity* mengaitkan suku kaum Iranun yang kini dinamakan sebagai Sabah dan Filipina merupakan lanun yang sangat cekap dan merompak kapal dagang. Oleh sebab kehidupan mereka di persisiran pantai, maka tidak hairanlah mereka mahir dalam perkapalan dan pelautan. Sehingga kehadiran mereka yang dianggap sebagai penjaga laut Borneo ditakuti oleh Jong Cina untuk melalui kawasan Brunei dan Kota Batu bahkan juga digeruni oleh kuasa Barat. Dalam cerita rakyat yang dicatatkan oleh orang tempatan dan Barat, lanun Iranun merupakan lanun yang kebal ‘die-hard’ dan dikaitkan dengan unsur mistik.

Hal ini dapat dilihat dalam bab novel ini iaitu menerusi bab ‘*In The Raja’s Town*’ yang menceritakan mengenai satu kawasan yang ditadbir oleh Raja Seyed iaitu tempat Jack telah ditawan. Terdapat suatu makhluk berwarna kuning disebut dalam novel tersebut sebagai *Yellow Dwarf* yang membuatnya serta merta berlutut di hadapan Raja tanpa kemahanan dan kesedarannya. Namun begitu, *Yellow Dwarf* tidak diketahui asalnya.

### Kesimpulan

Penceritaan yang ditulis oleh orang Barat sama ada dalam bentuk novel dan filem secara tidak sedar mereka mengagumi struktur muka bumi kepulauan Melayu, khazanah bumi, kekuasaan kerajaan yang telah wujud sebelum penjajahan, teknologi dan masyarakat Melayu. Penceritaan yang dijalankan dengan sejarah dan fiksyen terhasil daripada inspirasi budaya, sejarah dan peristiwa orang Melayu yang berlaku pada waktu dahulu. Amatlah rugi, jika khazanah yang terdapat di bumi Melayu tidak dimanfaatkan untuk diangkat dalam bentuk digital dan disebarluaskan kepada masyarakat antarabangsa. Buktinya orang Barat mampu mencedok sejarah kita dan mengangkatnya di persada antarabangsa dengan dakwaan khazanah itu adalah milik mereka.

### Rujukan

Alvin P. Cohen. 2012. *Brief note: The origin of the yellow emperor era chronology*. Academia Sinica. 25 (2): 1-13

Hyatt Stanley Portal. 1900. *The Black Pearl of Peihoo: A Tale of the Malay Sea*. The Religious Tract Society: London.

James Francis Warren. 2002. *Iranun and Balangingi: Globalization, Maritime Raiding and the Birth of Ethnicity*. Singapura: Singapore University Press.

Marisa Goebel &Dona Mary Dirlam. 1989. *Polynesian Black Pearls*. Gems & Gemology.

# FBIM Cemerlang

## Peroleh Tiga Geran Industri

FBIM terus cemerlang dalam penyelidikan dan inovasi dengan pencapaian tiga geran industri pada tahun 2019. Geran Industri telah berjaya diperoleh pensyarah FBIM iaitu Dr. Ha Hou Chew, Dr. Saiful Iskandar Khalit dan Dr. Noor Afiza Badaluddin dari dua syarikat Borneo Empurau Farm (BEF) Sdn. Bhd., Sarawak dan Edaran NM Teguh Trading (ENMTT) berjumlah RM50,000.

BEF telah menganugerahkan geran industri kepada FBIM bagi menjalankan penyelidikan bertajuk ‘Population Divergence of the Malaysian Mahseer (*Tor tambroides*) between Peninsular Malaysia and Sarawak Inferred from Partial Mitochondrial DNA’ dan ‘Determination of Physico-Chemical Parameters and Water Quality Status at BEF’. Penyelidikan ini bertujuan membuktikan keunikan ikan Empurau di Borneo secara genetik dan mengkaji kualiti air di BEF untuk penternakan ikan Empurau. Manakala, ENMTT adalah syarikat pengeluar biopestisid yang memerlukan kajian penghasilan biopestisid untuk ulat bungkus yang merupakan perosak utama sawit di Perak dan Johor. Tajuk penyelidikan bagi projek ini ialah ‘Evaluation of Effective Microbial Consortium on Controlling Oil Palm Bagworm (*Metisa plana*)’. Penyelidikan sedang dijalankan oleh pensyarah dan pelajar yang terlibat. Penyelidikan ini bukan sahaja dapat memberi pengalaman baharu kepada pensyarah tetapi membuka peluang kepada pelajar menjalani latihan industri di syarikat tersebut.

Anugerah geran industri ini membuktikan keternampakan FBIM dalam bidang pertanian dan semoga FBIM akan terus cemerlang dalam membentuk jaringan industri dan menyumbang kepakaran kepada komuniti.



# Kelab Siswa Istimewa UniSZA

## Fokus Kebajikan dan Keperluan OKU

UniSZA telah melancarkan penubuhan Kelab Siswa Istimewa (KSI) UniSZA pada 19 November 2019. Dengan penubuhan kelab ini, kebajikan dan keperluan mahasiswa Orang Kelainan Upaya (OKU) dapat dipantau supaya mereka dapat mengikuti pengajian dengan selamat dan selesa.

KSI UniSZA dilancarkan susulan penubuhan Unit Perkhidmatan OKU UniSZA pada 1 Oktober 2019 sebagai salah satu inisiatif universiti dalam memberi khidmat sokongan khusus kepada mahasiswa OKU. Naib Canselor UniSZA, Prof. Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan berkata, penubuhan kelab itu juga selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan yang mahu semua universiti di negara ini melaksanakan Dasar Inklusif OKU.

“Apa yang menyentuh hati saya apabila melihat kegigihan mahasiswa ini yang sangat komited dengan pengajian di universiti, sentiasa mempunyai idea dan inisiatif sendiri serta bukanlah daripada jenis golongan yang suka menagih simpati atau sentiasa mengharapkan bantuan orang lain.

“Mereka sangat berdikari sama seperti mahasiswa normal yang lain. Justeru UniSZA akan terus menyokong mereka agar mampu melibatkan diri dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa seterusnya menghapuskan persepsi negatif masyarakat terhadap golongan OKU selama ini,” katanya dalam majlis Anugerah Tokoh Siswa UniSZA 2019 dan Pelancaran Unit Perkhidmatan OKU serta Kelab Mahasiswa Istimewa UniSZA di Dewan Al-Muktaffi Billah Shah.

Beliau berharap agar KSI UniSZA menjadi penghubung untuk memastikan hak pelajar OKU disampaikan terus kepada pengurusan universiti. “Ini adalah satu usaha yang lebih berkesan untuk memastikan penglibatan mahasiswa OKU secara inklusif dalam semua aktiviti dan program di dalam dan di luar kampus”, katanya.

Sementara itu, Presiden Kelab OKU UniSZA, Muhammad Aliff Zainuddin berkata, penubuhan kelab itu akan memudahkan hasrat dan hak kesemua 44 mahasiswa OKU di UniSZA ketika ini disampaikan secara terus kepada pihak pengurusan.

“Kami akan bersama-sama mewujudkan satu persekitaran inklusif agar UniSZA akan terus menjadi universiti yang mesra OKU dan memberi impak positif kepada jati diri mahasiswa serta imej UniSZA itu sendiri.



# Pelajar UniSZA sertai cerapan Gerhana Matahari Anulus di Serkat, Kukup, Johor

Gerhana matahari berlaku apabila bulan dan matahari berada segaris dan sesatah dengan bumi. Pada 26 Disember 2019, ketika berlaku fenomena ini, saiz matahari sebesar  $32.5'$  berbanding saiz bulan  $31'$ . Dengan saiz ketara bulan yang lebih kecil ini, gerhana matahari yang berlaku ialah jenis anulus atau gerhana cincin.

Ketika ini matahari dilihat dalam bentuk lingkaran cahaya di keliling cakera bulan. Dengan fasa anulariti 94 peratus, bayang bulan hampir tidak boleh dikesan di permukaan bumi. Walau bagaimanapun, laluan tengah bayang bulan ketika berlakunya gerhana ini (bayang antumbra) merentasi Asia dari Oman ke India dan seterusnya ke Sumatera tengah di Pekanbaru, kemudian melalui selatan semenanjung Malaysia sebelum merentasi kepulauan Borneo dan berakhir ketika waktu maghrib di Lautan Pasifik.

Di Malaysia, tempat yang menjadi tumpuan adalah di Serkat, Kukup, Johor; Serian dan Sri Aman di Sarawak. Manakala di tempat lain, fenomena ini dapat dilihat dalam magnitud yang agak besar juga. Fenomena ini telah menarik perhatian ahli astronomi dan masyarakat awam untuk melakukan cerapan dan melihat sendiri fenomena ini. Kali terakhir gerhana matahari anulus berlaku di Malaysia kira-kira 22 tahun lepas.

Pelajar Kelab Astronomi (KASTRO) UniSZA dan pelajar kursus elektif falak, Pusat Pengajian Syariah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI) pula telah memilih dua lokasi untuk tujuan cerapan fenomena ini. Kumpulan pertama seramai 40 pelajar berkumpul di Masjid Dato' Nooh Gadut, Serkat, Johor dan satu kumpulan kecil seramai lima pelajar mengadakan cerapan di laluan tengah di Dindigul, India.

Kumpulan pelajar di Serkat diketuai oleh Perek Grafik Penerbit UniSZA, Encik Wan Mohd. Fadzli W. Samsudin dan Puan Che Ku Saleha Che Ku Hassan dari Kolej Kediaman UniSZA. Di lokasi cerapan, para pelajar dibantu oleh sekumpulan lima orang alumni UniSZA daripada segi logistik dan persediaan tempat cerapan. Sebelum ke Serkat pelajar telah menjalani latihan intensif penyediaan peralatan dan teknik cerapan dibawah kelolaan Prof. Madya Dr. Baharrudin Zainal.

Pelajar UniSZA telah menggunakan lima unit pelbagai jenis teleskop yang diubah suai untuk membolehkan aktiviti melihat gerhana matahari dilakukan. Pelajar juga telah menyediakan 50 keping penebat gerhana yang dibuat sendiri dan diedarkan kepada orang ramai di lokasi cerapan. Usaha ini bagi membolehkan mereka dapat bersama-sama melihat gerhana dengan cara yang selamat. Para pelajar UniSZA dan peralatan cerapan mereka juga menjadi tumpuan orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat lanjut mengenai fenomena ini dan melihat formasi gerhana Matahari dengan teleskop.

Pihak Planetarium Negara Malaysia dan beberapa buah agensi lain turut mengadakan pelbagai aktiviti astronomi sempena dengan fenomena ini di Taman Negara Tanjong Piai, Johor.



# PROGRAM MAJLIS ANUGERAH

## KECEMERLANGAN FKI 2019

Majlis Anugerah Kecemerlangan Fakulti diadakan bertujuan memberi pengiktirafan kepada staf akademik, staf sokongan dan pelajar yang bergiat aktif dalam memberikan sumbangan terhadap pembangunan di fakulti. Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk memberi dorongan kepada pensyarah dan pelajar supaya menjadi penggerak dan pemimpin yang berkaliber pada masa hadapan. Majlis ini juga dapat menonjolkan bakat kepimpinan dan kecemerlangan akademik pelajar sebagai ikon kepada mahasiswa lain di samping menjalin hubungan erat antara pelajar dengan pengurusan fakulti. Majlis ini diadakan pada 6 November 2019 di Dewan Al-Muktafi Billah Shah, Kampus Gong Badak.

Majlis diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dr. Kamarul Shukri Mat Teh. Dalam ucapannya, beliau menekankan nilai keseimbangan yang perlu diterapkan dalam setiap jiwa mahasiswa serta staf sebagai prinsip mengimbangi antara ‘rabbaniyah’ (ketuhanan) dengan ‘insaniyah’ (kemanusiaan); kerohanian dengan kebendaan; tuntutan dunia dengan akhirat; kepatuhan kepada wahyu dengan penggunaan akal dan ijtihad; hak dengan kewajipan; keinginan individu dengan maslahah kemasyarakatan; dan idealism dengan realiti semasa.

Oleh itu, bagi mencapai kecemerlangan jati diri, TNCAA menyarankan agar mahasiswa dan staf hendaklah membangunkan jasmani dan rohani serta akhlak selari dengan aspirasi UniSZA dalam membentuk mahasiswa bersahsiah bukan sahaja cemerlang akademik tetapi cemerlang akhlaknya kerana mahasiswa sebeginilah yang diperlukan oleh majikan untuk kebolehpasaran graduan pada masa hadapan.

Antara anugerah pelajar yang disampaikan dalam majlis tersebut termasuklah Anugerah Terbaik Program Diploma, Anugerah Terbaik Program Ijazah Sarjana Muda, Anugerah Program Sukarelawan Terbaik, Anugerah Program Pengucapan Awam Terbaik, Anugerah Program Keusahawanan Terbaik, Anugerah Sukan, Anugerah Kepimpinan Pelajar, Anugerah Persatuan Cemerlang FKI, dan Anugerah Mahasiswa Holistik FKI.

Selain itu, Anugerah Jasamu Dikenang turut disampaikan sebagai penghargaan kepada staf FKI yang telah ditukarkan ke Pusat Tanggungjawab lain. Anugerah seterusnya termasuklah Anugerah Staf Pelaksana Cemerlang, Anugerah Penyeliaan Siswazah, Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan, Anugerah Penerbitan Buku, Anugerah Inovasi, Anugerah Penerbitan Jurnal dan Anugerah Ahli Akademik Tersohor.



# Warga Perpustakaan Kampus Besut

## Terima Bangunan Baharu

Perpustakaan Kampus Besut menerima khabar gembira apabila ‘kediaman baharu’ mereka diserahkan pada Majlis Penyerahan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) – Pembinaan Bangunan Baharu Kampus Besut, 8 Disember 2019.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Perpustakaan Al-Wathiqu Billah, UniSZA Kampus Besut itu menyaksikan penyerahan secara rasmi oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuala Terengganu kepada Pengarah Kampus Besut, Prof. Dr. Nordin Abdul Rahman.

Projek yang bermula pada 5 September 2017 akhirnya siap sepenuhnya pada 18 September 2019. Bangunan perpustakaan yang menelan kos sebanyak lebih RM14 juta ini mula beroperasi pada 19 Januari 2020. Perpustakaan Kampus Besut ini mempunyai tujuh orang staf yang diketuai oleh Pustakawan iaitu Puan Norhazura Yunus.

Bangunan perpustakaan dua tingkat ini menyediakan pelbagai kemudahan yang selesa dan kondusif untuk para pengguna. Antaranya ruang pembelajaran kolaboratif, gerbang siber, ruang santai, bilik siswazah, bilik tesis, ruang belajar 24 jam, surau, kafeteria dan perkhidmatan percetakan.

Perpustakaan baharu ini boleh memuatkan kira-kira 500 orang pada satu-satu masa dan memberi nafas baharu kepada para pengguna. Kampus Besut menempatkan tiga buah fakulti iaitu Fakulti Biosumber dan Industri Makanan, Fakulti Informatik dan Komputeran dan Fakulti Sains Sosial Gunaan.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Pustakawan UniSZA (Menjalankan Fungsi), Puan Norulhuda Makhtar dan wakil-wakil Pusat Tanggungjawab (PTj) lain.




# EKSPEDISI GERHANA MATAHARI ANULUS 26 DIS 2019

Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur (ESERI) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menganjurkan Ekspedisi Gerhana Matahari Anulus 26 Disember 2019 ke Tanjung Piai Johor bermula 24 hingga 27 Disember 2019. Ekspedisi yang bertujuan merakam formasi gerhana anulus yang melintasi Tanjung Piai bermula jam 11.26 pagi hingga 3.40 petang pada 26 Disember 2019. Antara peserta ekspedisi adalah Pengarah ESERI, Prof Dr Hafizan Juahir, Timbalan Pengarah Dr Fathurrahman Lananan, Felo Penyelidik Prof Madya Dr Roslan Umar. Turut serta adalah staf dan pelajar siswazah ESERI.

Ekspedisi kali ini juga bertujuan memenuhi undangan Agensi Angkasa Negara untuk turut sama memeriahkan SolarFest anjuran Agensi Angkasa Negara yang mengumpulkan institusi, penyelidik, NGO dan individu peminat astronomi di Tanjung Piai Johor. Kumpulan ekspedisi ESERI nyata dapat menarik minat pengunjung untuk turut sama menyaksikan gerhana menerusi peralatan yang dibawa, selain pengunjung turut tidak melepaskan peluang bergambar di ‘booth’ ESERI.

Sesi tinjauan lokasi dilakukan pada 25 Dis di tapak acara dan kawasan sekitar yang berpotensi untuk aktiviti penyelidikan. Acara sebenar adalah pada 26 Dis 2019 bermula seawal jam 9 pagi dan berakhir jam 4.30 petang. Segala puji bagi Allah yang memberikan peluang terbaik kepada semua yang dapat menyaksikan fenomena gerhana dari awal (11.26 pagi) hingga tamat (3.40 petang).

Penganjuran ekspedisi ini dapat meningkatkan kemahiran penyelidik dan pelajar terlibat dalam aktiviti penyelidikan berkaitan astronomi dan fenomena angkasa.



# 37 PESAKIT TERLANTAR TERIMA SUMBANGAN LAMPIN PAKAI BUANG

Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA telah mengadakan program Kembara Sentuhan Jaringan pada 30 Oktober - 2 November 2019 di sekitar Kuala Nerus. Program yang melibatkan seramai 130 orang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Kerja Sosial ini bertujuan menyampaikan bantuan kepada masyarakat sekitar UniSZA bagi membantu meringankan beban masyarakat yang kurang berkemampuan.

Sumbangan yang diberikan merupakan lampin pakai buang. Hal ini susulan daripada kesedaran bahawa terdapatnya para pesakit terlantar dan keluarga menanggung kos yang tinggi untuk membeli lampin pakai buang. Seramai 37 orang klien iaitu pesakit terlantar telah dipilih untuk menerima sumbangan ini.

Di samping dapat membantu masyarakat, program ini dapat melatih mahasiswa kerja sosial untuk membiasakan diri dengan proses pengurusan kebajikan sosial. Budaya prihatin kepada komuniti merupakan salah satu tonggak Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA iaitu adab, patriot dan manusiawi.



## FBK Beri Pendedahan Bahasa Inggeris Melalui Program Khidmat Komuniti Korporat – English Language Exposure

Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) mengambil inisiatif meninjau keadaan semasa untuk memahami penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Pengajuran program ini merupakan langkah khidmat komuniti FBK melibatkan bidang kepakaran bahasa Inggeris serta memberi pendedahan kepada pensyarah dan pelajar FBK untuk berinteraksi dengan pelajar sekolah.

Program ini terbahagi kepada empat siri bagi membolehkan perhatian terhadap perkembangan kemampuan berkomunikasi dalam kalangan murid Sekolah Kebangsaan Kompleks Mengabang Telipot. Program yang didokong oleh enam pensyarah dari Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris, dengan kerjasama dari Persatuan Pelajar Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FALCOM) yang turut menghantar *student-buddies* seramai 20 orang. Mereka terdiri daripada pelajar tahun pertama dan kedua Diploma Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua (TESL). Seramai 30 orang murid sekolah tahun empat dipilih untuk menyertai program ini.

Siri pertama telah dijalankan pada 19 September 2019. Dalam siri ini, murid sekolah rendah tersebut dikumpulkan dalam satu kumpulan besar untuk sesi suai kenal. Kemudiannya, murid dipecahkan kepada kumpulan kecil untuk membina kerangka kefahaman mereka berkenaan tema Hari Kemerdekaan untuk menghasilkan satu dokumentasi berbentuk *vlog*. Para pelajar Diploma TESL yang bertindak sebagai *student-buddies* membantu dalam pengendalian sesi membina kefahaman tugas dengan menggunakan bahasa Inggeris santai bersama murid. Semasa siri kedua pada 26 September 2019, kumpulan murid yang sama telah diperkenalkan kepada tema Media Sosial. Mereka diajak untuk berbincang dalam kumpulan bagi mengenali platform media sosial masa kini. Mereka juga diperkenalkan kepada fungsi debat apabila mereka dikehendaki untuk mengenal pasti kebaikan dan keburukan media sosial. Pada akhir sesi, para murid diminta untuk menghasilkan satu *vlog* yang menceritakan pengalaman mereka menggunakan media sosial di samping menyatakan minat mereka dalam teknologi masa kini.

Melalui siri ketiga yang dijalankan pada 23 Oktober 2019, mereka diperkenalkan kepada tema perayaan di Malaysia. Mereka ditugaskan untuk berbincang bagi memahami ciri-ciri perayaan di Malaysia yang berbilang bangsa dan amalannya. Peranan *student-buddies* amat penting kerana mereka bertindak sebagai pemudah cara bagi memastikan murid berinteraksi menggunakan bahasa Inggeris dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Kumpulan murid ini telah ditugaskan untuk menyediakan *vlog* yang bertemakan makanan di Malaysia pada siri terakhir yang dijalankan pada 20 November 2019. Sesi dimulakan dengan perbincangan tentang asal usul makanan tersebut, cara penyediaan makanan serta keunikan makanan tersebut. *Student-buddies* memainkan peranan mereka dengan mengutarakan soalan-soalan yang berkaitan di samping membantu murid dengan memperkenalkan perkataan-perkataan dan frasa mudah dalam bahasa Inggeris. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengajar cara sebutan yang betul sebagai persediaan sebelum murid membuat tugas rakaman video.

Pemerhatian yang dilakukan dalam sesi terakhir ini mendapat murid selesa dengan tugas kerana tema yang diberikan dekat di hati mereka. Selain itu, penyediaan *vlog* digemari oleh murid sekolah kerana mereka dapat memahirkan diri dalam pertuturan bahasa Inggeris dengan santai. Secara keseluruhan, program ini merupakan satu usaha mengenal pasti kesalahan tatabahasa ketika berkomunikasi selain mendapat pandangan murid tentang penggunaan teknologi dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Program ini juga mengambil kira pandangan *student-buddies* tentang pengajaran dan komunikasi yang digunakan.

Hasil daripada program komuniti ini telah membawa perubahan rangkaian video persembahan hasil kerja murid. Kajian lapangan dan kajian intervensi semasa program menggunakan beberapa instrumen. Instrumen-instrumen tersebut ialah penilaian kepercayaan diri dan strategi bertutur bagi menangani masalah dalam berkomunikasi menggunakan bahasa Inggeris bagi kalangan murid sekolah rendah, kaji selidik pentafsiran alternatif untuk menilai kebolehan bertutur ketika berkomunikasi serta analisa kesalahan tatabahasa ketika berkomunikasi.

Semangat ingin bersama murid sekolah ini turut membawa pengalaman yang menarik kepada *student-buddies* sebelum mereka melangkah kaki ke dunia pengajaran. Perubahan positif dapat dilihat terutamanya dari segi semangat mahu bertutur sepanjang program yang dijalankan amat ketara dalam kalangan peserta. Sehubungan itu, FBK berhasrat untuk meneruskan program ini sebagai program tahunan menggunakan tema yang sama dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.



# Kursus Keusahawanan YDSM-UniSZA Pemacu Industri IKS Terengganu

Kursus Keusahawanan Program Seni Kraf Warisan Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM) Siri ke-7 Sesi 2018/2019 merupakan salah satu inisiatif bagi membantu pelatih-pelatih yang terlibat dengan industri kraftangan untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai satu kerjaya pilihan mereka. Program ini berupaya memperbaiki taraf sosial masyarakat serta memacu perkembangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Terengganu.

Kursus yang dianjurkan oleh Pusat Pengurusan Penjanaan Pendapatan, Pelaburan dan Jaringan Industri (P4P) dengan kerjasama YDSM dilaksanakan bermula pada tahun 2009 dan telah memasuki Siri Ke-7 pada tahun 2019. Seramai 25 orang pelatih telah berjaya menamatkan kursus yang dilaksanakan pada 1-5 Disember 2019 di UniSZA dan telah dirasmikan oleh Pengarah P4P, Prof. Dr. Ahmad Shukri Yazid.

Konsep bimbingan yang dijalankan dalam bentuk *business-coaching* kepada setiap peserta dilihat mampu mencungkil bakat dan kemahiran selain dapat melahirkan usahawan yang kompetitif dalam dunia perniagaan. Kursus ini mendapat pembiayaan sepenuhnya daripada YDSM.

Program ini diharapkan terus mendapat sokongan pengurusan YDSM dan UniSZA bagi memelihara seni kraf warisan Terengganu serta melahirkan ramai usahawan yang berdaya maju.



## Kem Khalifah Cilik Anak-anak Staf dan Komuniti

Solat merupakan ibadat yang paling utama dan wajib difahami serta diamalkan oleh setiap Muslim. Jika iman merupakan ucapan lisan dan keyakinan di dalam hati, maka solat pula mewakili amalan lahir sebagai bukti ketataan kepada Allah s.w.t.. Solat adalah ibadat yang merealisasikan makna penyerahan diri kepada Allah s.w.t. semata-mata, sebagai tanda keimanan serta sebagai perantara bagi orang yang beriman untuk mencari kemuliaan hidup di dunia dan akhirat.

Pada 22–24 Disember 2019, Pusat Islam telah menganjurkan Kem Khalifah Cilik bagi anak-anak staf dan komuniti bersempena cuti persekolahan akhir tahun bertempat di bilik kuliah dan Masjid UniSZA. Kem ini melibatkan seramai 40 orang peserta yang terdiri daripada kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 7 hingga 12 tahun. Kem ini telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam, Dr. Abdul Wahid Salleh.

Kem ini bertujuan memberi pendedahan kepada peserta tentang kepentingan ibadat solat dan perkara yang berkaitan dengan adab-adab sehari-hari. Selain dapat meningkatkan kefahaman tentang teori solat, ia sekali gus berupaya memantapkan perbuatan, bacaan dan adab solat secara berjemaah. Kem ini juga merupakan salah satu usaha untuk mencungkil bakat kanak-kanak seawal usia bagi melahirkan generasi imam dan bilal muda.

Terdapat pelbagai slot aktiviti sepanjang kem tersebut berlangsung. Aktiviti yang diadakan telah dirancang dengan sempurna untuk menarik minat serta fokus anak-anak. Aktiviti yang dijalankan melibatkan teori dan praktikal iaitu Latihan Dalam Kumpulan (LDK) berkaitan dengan ibadat solat. Di antara aktiviti sepanjang kem tersebut berlangsung ialah ceramah berkenaan surah al-Fatihah, Solat Dhuha dan bacaan dalam solat serta doa serta wirid selepas solat.

Seuja ibu bapa yang terbabit telah memberikan reaksi positif terhadap kem yang dianjurkan ini. Diharapkan kem yang bermanfaat seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan dalam usaha membina jati diri anak bangsa khususnya generasi cilik masyarakat setempat yang akan menjadi pewaris memakmurkan bumi bertuah dan menjadi aset berguna untuk agama, bangsa dan negara.



# HE-ELCA 2019

## Bina Keyakinan Mahasiswa Berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris

Bahasa Inggeris merupakan bahasa kedua bagi rakyat Malaysia dan digunakan dengan meluas untuk komunikasi dalam bidang sains dan teknologi serta arena perindustrian. Sehubungan dengan itu Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan *Higher Education – English Language Carnival 2019* (HE-ELCA 2019) sebagai medium bagi memberi pendedahan dan peluang kepada pelajar universiti untuk meneroka, menggunakan bahasa Inggeris dan memberi ruang kepada mereka untuk meningkatkan minat dan usaha untuk memperkasa bahasa Inggeris.

Penganjuran karnival kali ini mendapat kerjasama dari UniSZA dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Para peserta yang dipilih terdiri dalam kalangan pelajar sarjana muda semua universiti awam yang mencapai keputusan *Malaysian University English Test (MUET)* Band 1 hingga 3. Fasilitator yang dilantik pula terdiri daripada gabungan pelajar UMT dan UniSZA yang mendapat MUET Band 4 hingga 6. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti *Western Dikir, Tense-o-Gram, Future Journalist, Viral Vlog, I Listen I Follow* dan *Lexical Run*. Lokasi aktiviti bertempat di UniSZA pada 24-25 September 2019 dan 26 September 2019 di UMT.

Seramai 600 orang pelajar universiti awam terlibat dalam menjayakan aktiviti ini. Program ini memberi ruang dan peluang kepada mahasiswa mempamerkan kompetensi mereka berbahasa Inggeris melalui aktiviti dan pertandingan yang dirancang. Ia juga satu medium untuk peserta meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris mereka dengan berkomunikasi dalam suasana menyeronokkan dan kompetitif dengan penglibatan mereka di dalam pelbagai pertandingan dan permainan bahasa. Penganjuran HE-ELCA juga berhasrat untuk mananam minat dan meningkatkan motivasi peserta terhadap bahasa Inggeris di samping membina keyakinan diri mereka menjadi lebih berani dan tidak malu untuk bertutur menggunakan bahasa Inggeris. Peserta juga didedahkan dengan kepentingan pemerkasaan bahasa Inggeris sebagai kemahiran insaniah untuk kebolehpasaran graduan.

Para peserta menunjukkan daya saing dan keterbukaan dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris melalui aktiviti pengukuhan yang dilaksanakan. Semangat kerjasama yang ditonjolkan oleh semua pihak yang terlibat menjadikan program ini berjaya mencapai objektif yang digariskan. Pengajur juga mengambil maklum cadangan penambahbaikan seperti memanjangkan tempoh program dan menambahkan aktiviti terutamanya bersifat luar kampus.



# **MAJLIS MENANDATANGANI MoU DAN BICARA INDUSTRI FRIT**

Fakulti Reka Bentuk Inovatif dan Teknologi (FRIT) telah mengadakan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Bicara Industri pada 20 November 2019 bertempat di Dewan Auditorium, Perpustakaan, UniSZA yang dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. MoU tersebut dijalankan bersama tiga buah industri iaitu Sumai Engineering (M) Sdn. Bhd., Mextec Corporation dan iCreate Sdn. Bhd.

Tujuan kerjasama ini adalah untuk menyahut keperluan Pelan Tindakan Akademik (PTA) fakulti. Bukan itu sahaja, ia memberi peluang kepada warga fakulti untuk berkongsi kepakaran dan teknologi terkini dengan pihak industri. Industri-industri yang dipilih ini merupakan industri yang telah lama menjalankan kerjasama dengan menyediakan tempat latihan praktikal untuk pelajar-pelajar FRIT.

Manakala Program Bicara Industri pula telah disampaikan oleh Prof. Adjung, FRIT, Adiguru Norhaiza Nordin (Tokoh Kraf Negara) dan Pengarah Urusan daripada iCreate Sdn. Bhd, Encik William Lee. Program tersebut telah dihadiri oleh para pelajar daripada Program Pengajian Reka Bentuk dan Teknologi. Diharapkan kerjasama ini dapat memberi manfaat kepada semua warga universiti amnya dan fakulti khususnya serta dapat merealisasikan pendidikan ke arah 'Educational I.R. 4.0'.



# Majlis Perasmian Program MyDEBIT dan Islamic Finance Carnival 7.0 UniSZA

Pejabat Bendahari dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) telah mengadakan Majlis Perasmian Program MyDEBIT dan Islamic Finance Carnival 7.0 UniSZA pada 1 Oktober 2019 di Dewan Perdana, UniSZA Kampus Gong Badak.

Tujuan utama kempennya MyDebit itu adalah untuk memupuk kesedaran di samping menggalakkan penggunaan kad MyDebit iaitu kad ATM sebagai kaedah pembayaran tanpa tunai dalam kalangan pelajar dan staf di seluruh kampus UniSZA bagi mengurangkan kos dan risiko pengurusan tunai sewaktu pembayaran di kaunter. Dalam meniti arus permodenan ekonomi digital yang semakin meningkat, kaedah e-pembayaran merupakan komponen kritikal yang boleh meningkatkan produktiviti selain daripada lebih cekap, mudah dan selamat.

Kempen yang dilancarkan ini memberi peluang kepada para pengguna untuk memenangi hadiah yang ditawarkan berjumlah RM50,000. Kempen ini bermula pada 1 Ogos 2019 dan akan berakhir pada 31 Januari 2020.

Majlis ini dirasmikan oleh Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan. Turut hadir, Pengerusi Payments Network Malaysia Sdn Bhd, Datuk Ahmad Hizzad Baharuddin; Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Mohd Afandi Salleh; Bendahari, Puan Shakimah Endut; dan Ketua Perbankan Pengguna Bank Islam Malaysia Berhad, Encik Zamree Mohamad.



# MATT BABERSHOP @ FAKULTI PENGAIJIAN KONTEMPORARI ISLAM

Seramai 20 orang pelajar Fakulti Pengajian Kontemporari Islam (FKI), UniSZA telah terpilih menyertai program gunting rambut percuma anjuran Matt Barbershop Cawangan Gong Badak yang diadakan bagi meringankan perbelanjaan pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan.

Program ini mendapat kerjasama daripada persatuan induk FKI, iaitu Persatuan Mahasiswa Kontemporari Islam (PMKI) yang diketuai oleh Saudara Afiq Syakir Zolkefli. Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, FKI, Dr. Jamalluddin Hashim telah merasmikan program ini yang diadakan pada 7 November 2019 di Blok E, Kampus Gong Badak.

Tujuan syarikat itu mengadakan program berkenaan adalah untuk membantu meringankan beban perbelanjaan pelajar yang kurang berkemampuan. Encik Danial, wakil dari Matt Barbershop berkata, “Kita akan menjadikan program gunting rambut percuma ini sebagai acara tahunan dalam usaha meringankan beban para pelajar yang kurang berkemampuan,” katanya ketika ditemui dalam sesi penyampaian cenderamata.

Sementara itu, salah seorang peserta program tersebut, Mior Muhammad Syahir Zahari berkata, “Saya mengucapkan terima kasih kepada Matt Barbershop yang sudi menyediakan perkhidmatan mengunting rambut secara percuma ini,” kata pelajar semester akhir itu. Program gunting rambut secara percuma yang diadakan ini dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk menyertainya.



# Perpustakaan UniSZA dan PAKAT Realisasi Program “Sekolahku Universitiku”

---

Program “Sekolahku Universitiku” telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini bagi membaik pulih fasiliti dan pembangunan akademik di sekolah-sekolah terpilih. Sebanyak 20 buah Universiti Awam, 4 buah *Government Linked Universities (GLU)* bersama 43 buah sekolah terlibat dalam program ini yang dijalankan secara berperingkat bermula tahun 2019 hingga tahun 2020.

Dalam usaha menyokong pelaksanaan program tersebut, UniSZA telah menganjurkan aktiviti bersifat insaniah bersama 36 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Tengku Bariah (SKTB) pada 24 Oktober 2019. Program yang dilaksanakan oleh Perpustakaan UniSZA dengan kerjasama Pusat Alumni, Keusahawanan dan Jaringan Masyarakat (PAKAT) adalah antara usaha murni yang mampu merealisasikan inisiatif tersebut. Turut hadir dalam program tersebut ialah Timbalan Pengarah PAKAT, Encik Wan Ismail Wan Abdullah dan Guru Besar SKTB, Encik Suhaimi Muhammad bersama empat orang guru SKTB.

Pelbagai aktiviti menarik telah diatur, antaranya Pertandingan Deklamasi Puisi oleh Sasterawan Cilik di UniSZA, Pertandingan ‘Jigsaw Puzzle’ Sultan Zainal Abidin III dan Pertandingan ‘Music Box’ Kenali Sultan Zainal Abidin III. Menurut Penggerusi Program “Sekolahku Universitiku”, Encik Mohd Sabri Muda, program seumpama ini dapat memberi peluang kepada para pelajar untuk menimba pelbagai ilmu pengetahuan yang berbeza di luar bilik darjah dan kawasan sekolah. Selain itu, aktiviti yang dijalankan juga secara tidak langsung turut menyokong inisiatif Kempen Dekad Membaca Kebangsaan dan Read@Uni. Beliau menambah, pada masa yang sama program ini dapat menggalakkan literasi awal dalam membaca dan menulis oleh para pelajar, mendedahkan mereka mengenai pengetahuan berkaitan sejarah Kesultanan Terengganu dan mengenali tokoh Sasterawan Negara.





## PESAKIT SCOLIOSIS

TERIMA RM23,500 UNTUK JALANI PEMBEDAHAN

“HAMPIR sembilan tahun saya menderita penyakit ini dan setiap kali menyerang, bahagian belakang berasa seperti dicucuk duri,” kata Syarmeliah Syahruddin, 22 tahun.

Syarmeliah menderita penyakit *Adolescent Idiopathic Scoliosis* atau penyakit tulang belakang bengkok. Pelajar Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kaunseling UniSZA itu berkata, dia menghidap penyakit itu sejak berusia 14 tahun dan penyakitnya itu semakin serius ketika dia berusia 18 tahun.

“Jika diikutkan, doktor menyarankan saya menjalani pembedahan pada usia 18 tahun tetapi saya tidak mampu membayai kos pembedahan menyebabkan ia tertangguh. “Saya menderita kerana penyakit ini dan saya tidak pernah putus berdoa supaya segala urusan dipermudahkan dan dapat menjalani pembedahan segera. “Penderitaan saya mendapat perhatian UniSZA yang sudi menyalurkan bantuan membayai kos pembedahan sebanyak RM23,500,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Bantuan Pembiayaan Pembedahan Scoliosis.

Turut hadir pada majlis itu, Naib Canselor UniSZA, Prof. Dato' Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan. Syarmeliah berkata, penyakitnya itu turut menjelaskan pengajiannya di UniSZA selain terpaksa melupakan aktiviti sukan dan kegiatan luar universiti.

“Saya sering gagal menamatkan kuliah selama tiga jam dan biasanya hanya mampu duduk sejam ketika kuliah kerana penyakit ini bukan hanya membuatkan kemampuan dan daya tahan saya terhad tetapi turut menyebabkan kaki sentiasa lenguh dan kebas. Saya berharap pembedahan berjalan lancar walaupun saya mungkin berdepan risiko lumpuh kerana ia membabitkan tulang rusuk dan tulang belakang. Bahagian itu akan dimasukkan besi dan 16 skru pada setiap tulang bagi menarik semula tulang belakang yang bengkok ke tempat asal. Risiko untuk lumpuh ada tetapi saya sanggup kerana saya berkemungkinan besar menjadi lumpuh pada masa akan datang jika tidak menjalani pembedahan segera,” katanya yang berasal dari Sandakan, Sabah.

Sementara itu, Naib Canselor berkata, pihaknya melalui Tabung Kebajikan dan Perlindungan Mahasiswa (TKPM) UniSZA dan Dana Wakaf UniSZA simpati dengan nasib Syarmeliah sebelum bersetuju membayai kos pembedahan RM23,500 di Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu pada 17 November 2019. Sumbangan itu dibuat melalui TKPM dan Dana Wakaf UniSZA iaitu masing-masing memperuntukkan RM11,750.

# PROGRAM AMAL ‘URUS STRES HATI BAHAGIA’



Stres merupakan satu pengalaman dialami oleh individu yang boleh mendatangkan gangguan ke atas pemikiran, perasaan, tingkah laku yang boleh mengganggu aktiviti seharian. Justeru, satu Program Amal Santuni Ibu Tunggal dengan tema ‘Urus Stres Hati Bahagia’ telah dijayakan oleh Unit Kaunseling Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Alumni (HEPA) UniSZA dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu. Program ini merupakan satu aktiviti khidmat komuniti yang melibatkan peserta ibu tunggal di kawasan Kuala Nerus. Pengajuran program adalah sebagai sokongan bagi membantu dan memberi manfaat kepada masyarakat berkaitan mengurus stres demi kesejahteraan diri. Selain itu, program ini diadakan bagi melahirkan satu platform melalui saluran asas dalam pembentukan sikap, nilai murni dan integriti seseorang dalam melahirkan masyarakat yang harmoni serta dinamik tanpa stres.

Program ini telah diadakan pada 9 Disember 2019 melibatkan 29 orang peserta dalam kalangan ibu tunggal di Bilik Aktiviti Unit Kaunseling. Perlaksanaan program ini juga dilakukan bagi memenuhi tanggungjawab dalam menjayakan fungsi serta peranan Unit Kaunseling kepada komuniti sekitar UniSZA. Antara objektif utama program ini adalah untuk mengeratkan hubungan antara UniSZA dengan komuniti Kuala Nerus serta memberi pengalaman baharu kepada peserta. Di samping itu, program ini bertujuan mengenal pasti faktor penyebab tahap ketegangan serta strategi pengurusan stres bagi membantu peserta menguruskan tekanan dengan berkesan.

Hasil daripada program ini ia mampu memberi pencapaian positif kepada ibu tunggal yang terlibat dalam membentuk kesedaran diri yang positif dan meningkatkan keyakinan diri dalam urusan seharian.



# Program Asyura Perdana

## UniSZA Kampus Besut 2019

Pejabat Pengarah Kampus Besut sering mengadakan program tahunan dengan melibatkan semua staf dan pelajar Kampus Besut. Antaranya ialah dengan menganjurkan Program Asyura Perdana UniSZA Kampus Besut 2019 pada 26 September 2019 bertempat di Open Plaza UniSZA Kampus Besut berhadapan Blok D, Fakulti Informatik dan Komputeran (FIK).

Tujuan program ini dianjurkan adalah untuk mengeratkan hubungan persaudaraan sesama staf dan pelajar Kampus Besut selain dapat memupuk semangat kerjasama dan tolol menolong. Program ini memberi peluang kepada semua warga Kampus Besut untuk berkumpul dan merapatkan ukhwah antara satu sama lain.

Bagi memastikan kelancaran program, ahli jawatankuasa telah memulakan aktiviti rewang sehari sebelum program berlangsung. Aktiviti ini melibatkan beberapa wakil komuniti setempat sebagai tukang masak utama. Hampir 300 orang pelajar dan 100 orang staf telah menyertai program ini.

Pengagihan bubur asyura bermula pada jam 2.00 petang. Sebanyak 500 bekas bubur asyura telah diagihkan kepada staf dan pelajar serta wakil komuniti yang hadir. Program ini telah memenuhi objektif yang telah diusul dan merapatkan jurang perhubungan antara staf, pelajar dan komuniti setempat.

Program ini juga memberi ruang kepada warga kampus untuk berkongsi idea, pengalaman, pengetahuan serta merapatkan jurang sesama staf dan pelajar, di samping dapat menyemai sifat suka bersedekah. Sebagai kesimpulannya, program ini dilihat telah dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif utama iaitu memperkuuhkan ikatan kemanusiaan.



# PRS UniSZA

## Dekati Masyarakat Luar

Seramai 28 ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) UniSZA dan staf Unit Kaunseling, Pejabat Timbalan Naib Canselor (PTNC), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah megadakan Program Mesra Silaturahim ‘UniSZA Bersama Anda’ di Taman Sinar Harapan, Bukit Besar, Kuala Terengganu.

Mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan bertindak sebagai fasilitator kepada 50 penghuni taman tersebut.

Program yang diadakan pada 14 Disember 2019, bertujuan memberi pendedahan dalam menguruskan aktiviti kemasyarakatan kepada ahli PRS UniSZA yang berperanan dan bertanggungjawab mempraktikkan nilai yang sihat serta memberi sokongan kepada masyarakat luar.

Warga Taman Sinar Harapan adalah golongan yang mesti disayangi dan dibantu dengan baik. Dengan adanya program begini, mereka sangat gembira dan teruja apabila melakukan aktiviti-aktiviti seperti melukis, mewarna, menari dan membuat kostum daripada kertas manila serta bergambar bersama-sama mereka.

Penerapan nilai-nilai murni dalam diri mahasiswa dari segi kognitif, tingkah laku, emosi, sosial dan rohani dapat memberi impak positif kepada mereka untuk membentuk kesedaran kendiri terutamanya dalam konteks perkembangan diri supaya lebih cakna kepada golongan seperti ini.

Semoga program ini mampu memberi kesedaran kepada kita supaya sentiasa bersyukur dengan dikurniakan kesihatan fizikal dan mental yang baik.



# Pusat Islam UniSZA

## anjur Kursus Pengurusan Jenazah dengan Kerjasama Sekolah Kebangsaan Gong Badak

Pengurusan jenazah merupakan tuntutan fardu kifayah terhadap setiap muslim. Memahami konsep dan amali dalam menguruskan jenazah memerlukan pengetahuan dan kemahiran tertentu. Atas rasa tanggungjawab membantu warga Sekolah Kebangsaan Gong Badak memahami pengurusan jenazah, maka pihak pengurusan SK Gong Badak dengan kerjasama Pusat Islam UniSZA telah mengambil langkah menganjurkan Kursus Pengurusan Jenazah.

Berdasarkan senario semasa, kursus pengurusan jenazah dilihat sebagai satu keperluan kepada generasi muda khususnya bagi menambah kefahaman dan panduan ke arah masyarakat yang mendalami ilmu agama dan dapat melaksanakan tuntutan agama dalam kehidupan mereka. Kursus ini telah dianjurkan pada 21 Oktober 2019 di Masjid UniSZA melibatkan seramai 146 peserta yang terdiri daripada guru dan pelajar.

Objektif kursus ini adalah untuk membolehkan peserta memahami dan berpeluang mempelajari proses menguruskan jenazah secara amali. Selain itu, ia juga merupakan salah satu alternatif yang baik untuk memberi pendedahan kepada komuniti tentang cara pengurusan jenazah yang betul. Kursus ini juga dapat mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga UniSZA dengan SK Gong Badak.

Antara pengisian slot tersebut ialah Ceramah/Teori Asas Pengurusan Jenazah dan Amali/Praktikal Pengurusan Jenazah. Teori Asas Pengurusan Jenazah ini merangkumi persediaan dan adab-adab terhadap jenazah. Manakala, bagi slot amali pula, ia meliputi aspek memandi, mengafan dan menyolatkan jenazah.

Diharapkan pelaksanaan kursus seumpama ini dapat memberi sedikit pendedahan awal kepada para peserta tentang tanggungjawab mereka dalam melaksanakan tuntutan fardu kifayah yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t..



# PELAJAR FKI ANJUR PROGRAM IHYA' TEOLOGI DI BUMI AL-FATEH

Program ‘Ihya’ Teologi di Bumi Al-Fateh’ dianjurkan oleh pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Usuluddin dengan Kaunseling, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam. Program ini merupakan kesinambungan program lawatan kembara ilmu yang telah dilaksanakan di dalam negara pada tahun-tahun sebelum ini. Tujuan program ini diadakan adalah untuk memupuk semangat kesukarelawan dan kecaknaan para mahasiswa terhadap masyarakat yang kurang bernasib baik. Di samping memberi pengalaman, program ini turut memberi pengetahuan yang lebih mendalam mengenai sejarah agung empayar Islam di Turki yang suatu masa dahulu gah di dunia. Sehubungan itu, pihak penganjur dengan kerjasama pelbagai pihak menganjurkan program ini pada 22-30 Oktober 2019, di Istanbul dan Bursa, Turki.

Antara objektif program ini adalah untuk mengenali budaya, suasana, kaedah dan sistem pengajian Islam yang diamalkan di institusi dan universiti di Turki. Program ini memberi peluang kepada peserta untuk mengenali pelbagai pola kehidupan dan budaya masyarakat di luar negara di samping membawa mesej perpaduan serta melahirkan semangat yang tinggi untuk menghulurkan bantuan dan sumbangan.

Melalui program ini, para mahasiswa dapat memupuk sikap kebertanggungjawaban dan kerjasama dalam satu pasukan secara berhemah di samping mengeratkan hubungan silaturahim sesama ahli Persatuan Mahasiswa Usuluddin. Selain itu, program ini dapat meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai masyarakat Islam sama ada di dalam atau di luar negara dengan melihat perbezaan budaya kehidupan masyarakat Islam.



# UniSZA Tuan Rumah

## Persidangan Bahasa Arab Peringkat Asia Tenggara 2019



Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dengan kerjasama daripada beberapa universiti terkemuka sekitar Asia Tenggara telah berjaya menganjurkan Persidangan Bahasa Arab peringkat Asia Tenggara 2019 (PBAAT 2019) kali ketiga pada 11-12 September 2019. Persidangan tahunan ini telah mengangkat tema Buku Pengajaran Bahasa Arab di Asia Tenggara: Antara Pemantapan dan Penilaian Semula.

Persidangan kali ketiga ini bertujuan meneruskan legasi yang telah dilaksanakan pada persidangan kali pertama dan kedua. Persidangan kali pertama telah menyentuh aspek peluang pembelajaran bahasa Arab di Asia Tenggara dan sejauh mana keberkesanannya. Persidangan kali ketiga pula memfokuskan perbincangan berkaitan metode pengajaran bahasa Arab yang berkait rapat dengan persidangan kali ketiga ini. Di PBAAT 2019, para pencinta bahasa Arab di Asia Tenggara berkongsi pengalaman dan hasil pembelajaran untuk mengambil manfaat dari aspek kekuatan buku pengajaran bahasa Arab yang sedia ada dan digunakan di Asia Tenggara serta memperbanyakkan perbincangan tentang cara mengatasi kelemahannya.

Persidangan ini yang telah berlangsung selama dua hari dimulakan dengan perasmian oleh Dekan FBK, Prof. Madya Dr. Zulazhan Ab. Halim. Ucaptama persidangan disampaikan oleh wakil Malaysia iaitu Prof. Dr. Rosni Samah serta wakil Indonesia iaitu Prof. Dr. Imam Asrori. Sepanjang persidangan ini berlangsung, sebanyak 12 sesi selari telah dijalankan dan ia telah dibahagikan berdasarkan bidang dan bahasa yang digunakan iaitu bahasa Arab, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pada hari kedua setelah selesai sesi selari, satu mesyuarat Pasca PBAAT 2019 telah diadakan untuk membincangkan isu berkaitan persidangan dan menetapkan lokasi seterusnya untuk persidangan ini diadakan.

Persidangan ini telah menerima sekitar 80 penyertaan yang melibatkan negara sekitar Asia Tenggara termasuklah Brunei, Indonesia, Thailand dan Singapura. Selain itu, sambutan peserta dari tanah Arab juga agak baik. Persidangan ini berjaya menghimpunkan nama-nama besar dalam bidang bahasa Arab seperti Dato' Mahamud Abdul, Prof. Dr. Rosni Samah, Prof. Dr. Imam Asrori serta wakil dari Brunei, Singapura dan Thailand. Selain itu, kertas kerja yang dihantar oleh para peserta persidangan akan diterbitkan sebagai prosiding dan kertas kerja terpilih akan diterbitkan

dalam jurnal berindeks.

Penganjuran persidangan ini adalah pencapaian yang membanggakan kerana UniSZA telah dipilih untuk menjadi tuan rumah persidangan ini mewakili Malaysia buat kali pertama. Wakil universiti dari negara Asia Tenggara yang merupakan pakar dalam bidang bahasa Arab telah sama-sama berdiskusi sepanjang persidangan dan ini telah menyumbang kepada perkongsian ilmu dan percambahan idea dalam memastikan bahasa Arab terus berkembang.

Selain itu, nama UniSZA kian dikenali bukan sahaja dalam kalangan negara Asia Tenggara bahkan juga tanah Arab memandangkan terdapat peserta yang datang dari negara tersebut. Menerusi persidangan ini juga kerjasama erat dapat dijalankan sesama pendidik bahasa Arab terutamanya dalam menganjurkan persidangan seumpama ini atau menjalankan pelbagai program pada masa akan datang.







- 1 Kejohanan Golf IPT 2019.
- 2 Karnival Sukan Air Kebangsaan KBS @ Putrajaya.
- 3 Karnival Sukan Air Kebangsaan KBS @ Putrajaya.
- 4 Kejohanan E-Sport Kampus (Zon Timur).
- 5 Kejohanan E-Sport Kampus (Zon Timur).
- 6 Karnival Sukan MASUM 2019.
- 7 MASUM E-Sports Championship 2019 (MEC 2019).
- 8 MASUM E-Sports Championship 2019 (MEC 2019).
- 9 Atlet UniSZA Yang Mewakili Malaysia Ke Sukan SEA Filipina 2019.
- 10 The Putrajaya Boat Race 2019.
- 11 UniSZA Mini Iron Man Challenge 2019.
- 12 Kejohanan Varsity Boat Race 2019.
- 13 Kejohanan Varsity Boat Race 2019.



## **MERUNGKAI KAEADAH SOLAT MENGIKUT PERMASALAHAN KESIHATAN**

**Penulis:** Nizaita Omar, Zulkifly Muda

**ISBN:** 978-967-2231-30-1

**Harga:** RM44.00

**Tahun:** 2020

Kewajipan solat merupakan kewajipan utama setiap Muslim dan menjadi fardu ain dalam melaksanakannya. Tuntutan untuk melaksanakannya adalah ditaklifkan dalam apa jua keadaan selagi akal masih berfungsi. Namun, dengan pelbagai permasalahan dan situasi kesihatan yang dialami, pesakit adakalanya buntu dan keliru tentang cara melaksanakan solat yang tepat dengan kehendak syarak. Malah, lebih mendukacitakan apabila situasi kesukaran (dhiq) dan kesulitan (haraj) yang dihadapi dijadikan alasan untuk sewenang-wenangnya meninggalkan solat. Justeru, penulisan ini diketengahkan sebagai memenuhi tanggungjawab sosial dalam mendidik masyarakat untuk istiqamah dan iltizam dalam menuaikan solat tanpa rasa terbeban biarpun berhadapan dengan kesakitan. Perbincangan ini akan berkisar kepada penyelesaian fiqh terhadap cara pelaksanaan solat dengan mengambil kira situasi dan realiti yang sedang dialami oleh pesakit. Situasi dan permasalahan pesakit akan diteliti bagi memberikan jawapan yang sejahtera dengan kehendak syarak. Ini seperti, ketidakmampuan berdiri (qiyam) ketika solat, sentiasa berhadas atau keluar najis mahupun kotoran (daim hadith), mengalami penyakit berjangkit atau jenis-jenis penyakit tertentu, tuntutan proses rawatan dan selainnya. Penyelesaian fiqh yang diambil bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan adalah dengan mengambil kira pandangan para ulama silam dan kontemporari daripada pelbagai mazhab. Di samping itu, rujukan fakta-fakta perubatan dan pandangan pakar-pakar perubatan turut dijadikan sandaran sebelum sesuatu keputusan dibuat. Tarikh dan keputusan penyelesaian fiqh yang dibuat adalah berlandaskan kekuatan hujah dan mengambil kira realiti semasa.



## **NAFKAH ISTERI MENURUT HUKUM SYARAK**


**Penulis:** Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairulddin

**ISBN:** 978-967-2231-30-1

**Harga:** RM39.00

**Tahun:** 2020

Nafkah kepada isteri adalah satu bentuk pemberian wajib rentetan daripada akad perkahwinan yang sah. Pemberian nafkah ini adalah satu bentuk tanggungjawab suami kepada isteri. Namun, pada masa kini kebanyakan wanita sudah mula mencebur dunia pekerjaan dan mempunyai pendapatan sendiri. Oleh itu, masyarakat terkeliru sama ada pemberian wajib nafkah kepada isteri masih relevan atau sebaliknya. Bahkan, terdapat juga para suami yang tidak lagi memberikan nafkah zahir disebabkan pendapatan isteri kadang kala melebihi pendapatan beliau. Bagi menyelesaikan masalah kekeliruan ini, buku ini hadir untuk menjelaskan secara terperinci akan tanggungjawab suami ke atas isteri. Perbincangan dalam buku ini lebih memberi tumpuan kepada konsep dan falsafah nafkah dalam Islam. Selain itu, ia turut menyentuh tentang bentuk-bentuk dan ciri-ciri nafkah yang perlu diberikan kepada isteri. Bahkan, bukan itu sahaja. Perbincangan dalam buku ini turut meliputi tentang penguguran nafkah kepada isteri serta nafkah dan hak isteri pasca perkahwinan.



## **REFUELING AN ISLAMIC GOVERNMENT**

**Penulis:** Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali, Aznan Hasan

**ISBN:** 978-967-2231-26-4

**Harga:** RM35.00

**Tahun:** 2020

The success of the Islamic Government in the era of Umar al-Khattab and Umar Abdul Aziz in eradicating poverty in the state is commonly acknowledged. What was conducted in their days to make this poverty eradication a success and what were the tools and mechanisms utilised? This book, "Refueling an Islamic Government", has the answers to these questions. "Refueling an Islamic Government" is an interesting book to read. It manages to shed light on the sources of wealth in administering an Islamic government. This book consists of two major elements. First, the ordained Islamic financial instruments that were being used in the early days of Islam. The divergences between Zakah and other Islamic taxation tools including Jizyah, Kharaj and 'Ushr will be brought to the surface together with their similarities. The second element in this book is a brief explanation on the right of an Islamic Government to impose additional taxes besides those of these ordained instruments. Generally, an Islamic Government is entitled to impose additional taxes, but several conditions must be fulfilled before doing so. This book is a must for anybody who wants to have a general yet sufficient knowledge on Zakah and the Islamic taxation system.